

Citra Budaya

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن کبودایان دان کسنيان نکارا

ISSN 2180 - 009 X BIL 3 / 2017



#MYSENIBUDAYA
**PERMAINAN
TRADISIONAL
MALAYSIA
@KEPONG**

16 & 17 SEPTEMBER 2017
TAMAN METROPOLITAN, KEPONG

MEMULIHARA & MENGEKALKAN
WARISAN
Seni Budaya
negara



Coret-Coret Editor
Zuriah Mohamad

'Belajarlh dari bunga mawar, walaupun memiliki kekurangan namun tetap memberi keindahan. Pilihlah menjadi bunga melati, kerana melati harum baunya.. Walau mata terpejam rapat kita tahu melati ada. Cantik melati tidak terlihat, biar tidak sempurna untuk digenggam, biar rosak dan berhamburan gugur seiring berjalannya waktu, namun harum wanginya masih tersisa. Mekar seiring mentari di pagi hari.'

'Jangan takut jatuh, kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh.. Jangan takut gagal, kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah.. Jangan takut salah, kerana dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua. Biar seribu kapal tenggelam di tengah lautan.. Namun cita-cita manusia tidakkan pernah padam.'
– Kata Hikmat Prof. Dr. Hamka

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan tiga (3) kali setahun.

Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada :
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 30, Menara TH Perdana, Lot 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

SIDANG EDITORIAL

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

YBHG. TAN SRI NORLIZA ROFLI
Ketua Pengarah

YBRS. MOHAMAD RAZY MOHD NOR
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Dasar dan Perancangan)

YBRS. DATO' MOD ZAKY BIN HAJI DIN
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

SIDANG EDITORIAL

Editorial

ZURIAH MOHAMAD

Penolong Editorial

MUHAMMAD HAQQAM HARIRI
SITI ZAIDAH PUTEH

Pereka Grafik/Kreatif

BAFTI HERA ABU BAKAR

Jurufoto

MUHAMMAD ASYRAF REZALI
FARAH SYAHIRA LOKMAN

Sidang Redaksi

- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- CAWANGAN PENTADBIRAN
- CAWANGAN SUMBER SUMBER MANUSIA
- CAWANGAN KEWANGAN
- BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA
- BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK (ACARA)
- BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA
- CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
- CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA (INDUSTRI KREATIF)
- CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN
- BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
- JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA NEGERI-NEGERI

Penyelaras Pengedaran Buletin

MUHAMMAD FAIZAL RUSLEE
MUHAMMAD AMIN BIN ALIAS

Pusat Sumber Seni Budaya

SITI ANISAH ABD. RAHMAN
FAUZIAH AHMAD

Email : penerbitan@jkkn.gov.my

SELAMAT DATANG
WELCOME


JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS

CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN
DOCUMENTATION & PUBLICATION DIVISION



ISI KANDUNGAN

5	Kata-kata Aluan Tan Sri	39	Kearifan Tempatan Ilmu Yang Terlindung
6-13	Destar ‘Dendam Tak Sudah’ Warisan Negeri Adat Perpatih	40	Pujangga Sang Pendeta
14	MISE-EN-SCENE Dalam Pementasan Teater	41	Aku & Ular Dedalu
15-17	Muzik Tradisional Malaysia	42	Persoalan Mencari Kebenaran Ilmu
18-19	Saloma: Ikon Fesyen Retro Tanah Melayu	43	Inikah Anda?
20-21	Pembangunan Seni Di sebalik Kemajuan Sains & Teknologi	44-45	Permainan Tradisional Malaysia @Kepong 2017
22-24	Teknik Asas: Sinematografi Dokumentari	46-47	Pusat Rujukan Seni Budaya
25-26	From Zero to Hero	48-50	Contoh Teks Ucapan: Majlis Perkahwinan
27-28	Budaya Malaysia: Imej Negara atau Aset Pelancongan	51	Posisi Duduk Dalam Tari
29-31	Creative & Artistic Thinking	52	Siri Penyelidikan Rodat
32-35	Culture In Malaysia	53-54	Panggung Seni Tradisional 2017
36	Pemupukan Nilai-nilai Murni: Serumpun Kasih	55	Festival Teater Pulau Pinang
37	Tip-tip Penjagaan Musim Banjir	56-57	Apa Yang Ada Pada Jenama
38	Kegagalan	58	Info Pesara
		59-60	JKKN-JPK: Titik Tolak Kepada Pembangunan Kemahiran

A portrait of a woman wearing a red hijab and a red patterned long-sleeved top, sitting in a chair. The image is framed with a gold border and decorative corner ornaments.

*Ubi kayu di atas para
Buat serawa di bulan puasa
Melayu terkenal di Nusantara
Kaya dengan warisan budaya*

*Mencari adik bernama Wani
Hilang bersama sanak saudara
Rakyat majmuk hidup harmoni
Budaya tradisional perpaduan negara*

*Hani tersenyum terpancar jelita
Dibekali ilmu penuh di dada
Seni tradisional tidak dilupa
Menjadi harta warisan dunia*

Norliza Rofli

KETUA PENGARAH
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA



Destar

"Dendam Tak Sudah"



WARISAN NEGERI ADAT PERPATIH

Setiap busana tradisional Melayu yang digayakan tidak lengkap pemakaiannya jika tidak digayakan dengan hiasan kepala. Terdapat pelbagai hiasan kepala yang digayakan, yang menjadi alat bagi melindungi tubuh dan menjadi penutup aurat yang sekaligus menggambarkan budaya sesuatu bangsa. Masyarakat Melayu Minang adat perpatih di Negeri Sembilan, amat kaya dengan pelbagai khazanah seni dan budayanya. Pemakaian hiasan kepala untuk wanita terdiri daripada hiasan sanggul lintang, tengkolok, selendang dan tudung kelingkang. Kaum lelaki pula menggayakan destar dalam acara rasmi adat istiadat, manakala kopiah dan songkok digayakan sebagai busana harian. Amalan adat perpatih di Negeri Sembilan memiliki nilai-nilai estetika tersendiri yang tercermin daripada kelembutan dan kefahaman masyarakat melalui penggabungan dan penghayatan perasaan, ungkapan dan perlakuan. Berdasarkan elemen-elemen dan kehalusan adat, pelbagai gubahan destar telah dihasilkan oleh penakuk-penakuk destar.

Sejarah Destar

Perkataan destar dan tengkolok tercatat dalam catatan sejarah Melayu, Hikayat Abdullah dan juga dalam cerita-cerita penglipur lara Melayu. Wan Yahaya (2004)

"Maka datanglah pesalin; jika akan jadi bendahara, lima ceper persalinan; baju seceper, kain seceper, destar seceper, sebai seceper, ikat pinggang seceper: jikalau anak raja-raja dan para menteri ceteria empat ceper juga, ikat pinggang tiada"

Perkataan destar juga disebut oleh Abdullah Munsyi dalam Hikayat Abdullah sewaktu menerangkan bagaimana Datuk Sulaiman, seorang guru bahasa berpakaian baju takwa, berdestar dan berkain gambang. Dalam Hikayat Hang Tuah, perkataan destar digunakan untuk menggambarkan pakaian Hang Tuah dan rakan-rakannya sebagaimana berikut:

"Laksamana memakai destar bunga dikarang gajah gemulung atau Hang Lekir berdestar bunga cina tiga warna sama berkunci dikarang"

Destar merupakan sebahagian daripada kelengkapan pakaian tradisional lelaki Melayu

yang masih kekal hingga ke hari ini. Seni lipatan destar dalam kalangan masyarakat Melayu dipercayai telah wujud sejak zaman awal kerajaan-kerajaan Melayu seperti Palembang, Jambi, Pagar Ruyung dan Kesultanan Melayu Melaka (Siti Zainol, 1996). Pemakaian busana Melayu tidak lengkap jika tidak digayakan dengan lima persalinan iaitu destar, baju, celana, sampung dan bengkung. Almarhum Tuanku Muhammad Shah, DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-7, dikatakan raja yang mengambil berat tentang penampilan yang akan memperlihatkan ketampanannya. Baginda sering mengayakan busana lengkap lima persalinan terutamanya dalam menggunakan solek destar "Sarang Kerengga" yang diciptanya.

"sekali bernama destar, duanya bernama tanjak, tiganya bernama tengkolok, nan di hujung di kepala, nan dipakai berpatut-patutan, nan beradat berlembaga, nan beradat berketurunan, nan dijaga dipelihara, nan bertempat dan bertepatan, nan ada asal usulnya"



Pemakaian Destar Solek Sarang Kerengga oleh DYMM Tuanku Muhammad

Destar melambangkan kehalusan seni masyarakat Melayu yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Kemahiran dan kreativiti tukang Melayu terserlah melalui pengolahan motif dan gubahan yang pelbagai. Destar merupakan sebahagian daripada pakaian kebangsaan masyarakat Melayu. Sumber teks sastera Melayu lama seperti Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melaka, Hikayat Malim Deman dan sebagainya menyatakan bahawa pemberian sepersalinan pakaian lengkap diberikan oleh sultan atau raja kepada seseorang yang telah berjasa kepada bangsa dan negara.

Mengikut Kamus Dewan (1997) istilah destar, setanjak, dan tengkolok, adalah sinonim yang menerangkan mengenai hiasan kepala kaum lelaki. ‘Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan’ memberi makna destar ialah pemuntal, setangan kepala, kain ikat kepala, tanjak dan tengkolok. Definisi destar juga boleh diberi berdasarkan kepada fungsi dan rekabentuknya. Wan Yahaya (2004) menyatakan destar ialah sejenis kain penutup kepala orang lelaki yang dipakai oleh raja, orang besar-besar istana atau pengantin dan pesilat. Terdapat beberapa pendapat yang menyatakan bahawa tiada perbezaan maksud antara setanjak, tengkolok dan destar yang berbeza hanya sebutan mengikut tempat di mana ia digunakan. Sebagai contohnya di Negeri Sembilan lebih dikenali dengan nama destar atau disebut “Deta” dalam loghat Negeri Sembilan. Di Selangor pula lebih dikenali sebagai setanjak, manakala Perak dikenali sebagai tengkolok manakala di Kelantan dan Terengganu sering disebut setangan. Terdapat juga beberapa pendapat yang menyatakan perbezaan maksud antara destar dan tengkolok. Tengkolok lebih memberatkan sifatnya yang agam, tinggi dan kadang-kadang didapati bertingkat-tingkat sementara destar lebih rendah, lebih molek dan kemas serta ringkas buatannya. Terdapat juga perbezaan dari segi jenis kain atau ikatan walaupun sama kegunaannya, yang mana tengkolok merupakan hiasan kepala buatan kain bermutu dengan lilitannya berlapis (tebal) dan

meruncing ke atas manakala destar pula lilitannya rendah dan nipis berbanding tengkolok. Setanjak pula lilitannya seperti tengkolok, tetapi kainnya lebih ringkas dan nipis. (Wan Yahaya 2004).

Sebagai perhiasan kepala, destar diletakkan begitu tinggi martabatnya dan adalah menjadi satu kehinaan sekiranya destar yang dipakai jatuh ke bumi, dilangkah, apatah lagi dipijak. Satu contoh yang dapat membuktikan ketinggian martabat destar ini dapat kita petik daripada naskah “Sejarah Melayu” seperti di bawah ini;

“Raja Muhammad Ibni Sultan Mansur Shah yang telah dipertimbangkan oleh Paduka ayahandanya sebagai bakal Sultan Melaka, pada suatu hari sedang bermain-main berkuda di kampung Bendara. Pada masa itu anak Bendahara Paduka Tuan (Tun Perak) sedang bermain sepak raga dengan rakan dan taulannya. Beginilah apa yang dikisahkan “.....Maka Raja Muhamad lalu; Tun Besar sedang menyepak raga, maka raga itupun jatuh menimpa destar Raja Muhammad, jatuh ke tanah.....” Dengan peristiwa itu, maka terbunuhlah anak Bendahara Tun Perak ditikam oleh seorang penjawat Raja Muhammad”

Berdasarkan sejarah di atas, pembunuhan ini berlaku disebabkan oleh perasaan terhina apabila destar yang dipakai terjatuh daripada kepala. Orang Melayu pada zaman dahulu memelihara “mahkota”nya dengan penuh kemuliaan. Menjadi pantang larang dan kemarahan orang Melayu sekiranya kepala diusik-usik dan dipermainkan.

Mengikut pendapat penyelidik destar yang terkenal, Wan Yahaya (2004) sejarah penciptaan destar bermula daripada idea untuk melindungi kepala daripada cuaca yang panas terik dan hujan. Apabila petani, pekebun dan nelayan turun bekerja di bendang atau pergi menangkap ikan, mereka akan menggunakan ikatan kepala untuk melindungi daripada cuaca panas. Pada zaman dahulu, sudah menjadi kewajipan rakyat jelata untuk menutup kepala atau mengikat rambut panjang supaya kelihatan kemas apabila mengadap raja. Menghiasi atau melindungi kepala ini diperlukan di luar atau pun di dalam rumah. Ini tidak hanya untuk kaum lelaki Melayu sahaja, kaum wanita juga diperlukan berbuat sedemikian. Memakai destar adalah kemestian bagi golongan lelaki Melayu yang melambangkan jati diri budaya Melayu.

Mengikut pendapat penyelidik destar yang terkenal, Wan Yahaya (2004) sejarah penciptaan destar bermula daripada idea untuk melindungi kepala daripada cuaca yang panas terik dan hujan. Apabila petani, pekebun dan nelayan turun bekerja di bendang atau pergi menangkap ikan, mereka akan menggunakan ikatan kepala untuk melindungi daripada cuaca panas. Pada

zaman dahulu, sudah menjadi kewajipan rakyat jelata untuk menutup kepala atau mengikat rambut panjang supaya kelihatan kemas apabila mengadap raja. Menghiasi atau melindungi kepala ini diperlukan di luar atau pun di dalam rumah. Ini tidak hanya untuk kaum lelaki Melayu sahaja, kaum wanita juga diperlukan berbuat sedemikian. Memakai destar adalah kemestian bagi golongan lelaki Melayu yang melambangkan jati diri budaya Melayu.

Falsafah, Simbolik Dan Lambang Destar

Seni lipatan atau menakuk destar dalam loghat Negeri Sembilan mempunyai falsafah dan simbol yang tertentu. Destar amat kaya dengan lambang dan simbol yang tersembunyi di sebalik bentuk ciptaannya mencerminkan amalan hidup masyarakat yang mengamalkan sistem adat perpatih. Antara simbol atau lambang yang digambarkan dalam penciptaan destar ini ialah kekuasaan, perbezaan kelas, kepahlawanan, keperibadian bangsa, keindahan daya cipta, keagamaan dan pengejalan sejarah.

Kuasa dan penghormatan dilambangkan melalui bentuk asas destar yang seakan-akan piramid yang mencerminkan struktur sosial amalan adat perpatih. Kedudukan tertinggi adalah DYMM Yang di-Pertuan Besar dan didokong oleh Undang Yang Empat. Kedudukan di bawahnya ialah pembesar dan selanjutnya oleh rakyat biasa. Falsafahnya yang terungkap dalam kata-kata adat yang menyatakan:

*Alam beraja
Luak berpenghulu
Suku berlembaga
Anak buah berbuapak
Orang semenda di tempat semenda*

Penciptaan bentuk destar ini menggambarkan sistem hirarki pemerintahan diraja. Penggunaan kain, warna dan bentuk lipatan dalam pemakaian destar pada ketika dahulu jelas menggambarkan status pemakaiannya. Siti Zainun (1996) menyatakan lipatan atau proses menakuk destar pada suatu ketika dahulu melambangkan status pemakaian seorang raja dan sultan yang memakai destar lima atau tujuh lipatan. Bendahara memakai empat lipatan, Temenggung memakai tiga lipatan manakala orang kebanyakan memakai dua lipatan. Perbezaan kelas ini digambarkan melalui bentuk lambaian kasih yang digayakan oleh pemakainya. Jika dipandang kedudukan hujung destar telah dapat diketahui daripada kelas mana seseorang itu tergolong. Hujung destar atau lambaian kasih yang dipakai oleh kelas pemerintahan daripada keturunan raja terletak di sebelah telinga kanan pemakainya, manakala hujung destar kelas diperintah khasnya rakyat jelata terletak di sebelah telinga kiri pemakainya.

Salah satu simbol atau lambang yang terjelma daripada bentuk destar ialah kepahlawanan. Sejak dulu lagi pemakaian destar sering dikaitkan dengan semangat kepahlawanan Melayu. Ini jelas ekoran daripada kebiasaan panglima, hulubalang atau pahlawan Melayu zaman silam yang sentiasa memakai pakaian lengkap berdestar dan keris atau pedang yang tersisip di pinggang. Warna hitam yang menjadi warna khusus bagi panglima atau hulubalang dahulu menjadi warisan kepada destar yang dipakai oleh ahli-ahli silat dan pegawai-pegawai istana dan kekal hingga ke hari ini. Pada hari ini pemakaian destar "Solok Timbo" oleh pegawai 99 semasa acara dan majlis rasmi di Istana Besar Seri Menanti masih dikekalkan.



Dato Setia Bijaya dengan "Pegawai 99" membawa alat-alat kebesaran semasa istiadat bersiram

Keperibadian bangsa jelas terpancar melalui identiti bangsa Melayu yang terkenal dengan sikap lemah lembut dan berbudi bahasa. Ini jelas terbukti melalui proses pembentukan destar ini yang memerlukan sikap yang sabar, kekemasan, kehalusan dan ketelitian dalam proses menakuk destar. Proses ini menggambarkan manifestasi masyarakat Melayu yang gemar mencipta dan berkebolehan menghasilkan nilai seni yang tinggi mutunya.

Penciptaan destar ini jelas menggambarkan daya kreativiti yang tinggi dalam masyarakat Melayu. Orang Melayu berkebolehan dalam mencipta sesuatu dan setiap ciptaannya adalah menurut kesesuaian dan menggambarkan hubungannya dengan alam sekitar. Pelbagai bentuk destar telah dihasilkan berdasarkan idea dari sumber flora dan fauna. Penciptaan destar ini menggambarkan tingginya nilai daya kreativiti masyarakat Melayu.

Simbol keagamaan jelas terpancar melalui konsep keislaman yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi masyarakat Melayu. Setiap amalan masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan konsep ketuhanan. Umpama bentuk destar yang dipakai oleh "DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan" dapat menjelaskan kedudukannya sebagai ketua agama. Lipatan simbol yang tertentu "Dendam Tak Sudah" mempunyai lima lipatan menggambarkan lima prinsip yang terkandung dalam rukun Islam. Lima lipatan ini juga menggambarkan waktu solat. Pengejalan sejarah dalam pemakaian destar ini dapat digambarkan melalui bentuk

destar yang sarat dengan nilai seni dan keindahan. Sekalipun zaman telah berubah, destar tetap indah dan unik. Bentuk ini diperturunkan dan diwarisi dari zaman ke zaman.

Reka Bentuk Destar

Di Negeri Sembilan reka bentuk destar lebih dikenali dengan sebutan "Solek" manakala orang yang membentuk destar dipanggil sebagai "Penakuk". Penakuk destar menggunakan persekitaran sebagai sumber idea. Pelbagai bentuk motif telah dicipta berdasarkan pengamatan kepada persekitaran. Kebiasaannya bentuk-bentuk yang dicipta adalah berdasarkan kepada pengalaman persekitaran yang berkaitan dengan amalan adat perpatih. Reka bentuk destar terbahagi kepada dua jenis iaitu reka bentuk tradisi dan reka bentuk kreatif. Hampir semua reka bentuk tradisi mempunyai bentuk-bentuk yang bersandarkan kepada flora dan fauna. Penakuk destar menggunakan alam nyata sebagai asas dan motif reka bentuk mereka tetapi cara menakuk berbeza-beza sebagaimana perbezaan alam sekeliling dan persekitaran kebudayaan. Destar yang berasaskan tumbuhan seperti solek "Kacang Dua Helai Daun", "Solok Timbo", "Sehelai Daun", "Kuntum Tak Jadi", "Daun Kopi" dan sebagainya melambangkan idea yang diperoleh dari alam flora. Manakala contoh destar yang berasaskan binatang seperti solek "Ayam Patah Kepak", "Gajah Berjuang", "Balung Ayam", "Olang menyosong angin", "Lang Melayang", "Sarang Kerengga" dan sebagainya. Manakala reka bentuk kreatif pula ialah destar yang berbentuk ciptaan baharu yang sering digunakan oleh penari dalam persembahan kebudayaan.

Destar "Dendam Tak Sudah" merupakan solek destar yang amat popular di Malaysia. Destar ini berasal dari Negeri Sembilan dan tidak diketahui sejak bila destar ini telah dicipta. Mengikut pendapat penyelidik sejarah menyatakan destar ini telah mula diperkenalkan apabila Raja Melewar ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Besar yang pertama di Negeri Sembilan. Warisan pemakai destar ini diteruskan oleh DYMM Tuanku Abdul Rahman, Tuanku Munawir, Tuanku Jaafar dan DYMM Tuanku Muhriz yang mengekal tradisi mengayakan destar 'Dendam Tak Sudah'. Pemakaian destar ini masih kekal penggunaan bentuknya hingga ke hari ini. Menurut cerita lisan orang yang pertama menakuk destar "Dendam Tak Sudah" ialah To' Memperang, pegawai 99 dari suku Tanah Datar, Kampung Sawah Liat, Seri Menanti. Nama "Dendam Tak Sudah" bermaksud ketidakpuasan hati si pendandan di dalam penghasilan lipatan tengkolok yang bertingkat-tingkat yang nampak tidak selesai. Terdapat juga pendapat menyatakan "Dendam Tak Sudah" berasal dari perkataan "Andam Tak Sudah" yang bermaksud pengabdian kepada keselamatan dan

kesejahteraan masyarakat, tidak pernah ada kesempurnaan hanya Allah yang sempurna dan kepadanya juga kembali segala sesuatu dicipta. Penakuk yang mencipta destar tersebut masih rasa belum sempurna proses membentuk destar tersebut. Falsafah dan makna "Dendam Tak Sudah" masih dicari oleh penyelidik busana dan belum ada bukti dan fakta yang tepat mengenainya.

Salah satu destar yang popular juga ialah destar "Sarang Kerengga" yang dipercayai dicipta oleh YTM Tuanku Muhamad. Baginda amat menekankan pemakaian busana secara kemas dan tertib, sering menjaga keterampilannya dan menggunakan destar ini semasa menghadiri majlis rasmi.



Perbezaan Solek Dendam Tak Sudah oleh Tuanku Munawir dan Destar Sarang Kerengga oleh Tuanku Muhamad

Pada zaman dahulu, jenis kain, bentuk dan warna yang digunakan dalam proses menakuk ini juga mempunyai maksud yang tertentu. Jenis kain yang digunakan oleh seseorang melambangkan status dan kedudukannya. Kain yang digunakan untuk menakuk berbentuk segi empat biasanya dibuat daripada kain songket yang ditenun benang emas atau perak. Kain yang digunakan adalah pelbagai iaitu kain songket dan telepek untuk raja dan kerabat raja. Manakala kain pelangi untuk pahlawan dan bendahara. Kain polos hitam untuk hulubalang, panglima, pendekar dan pegawai istana. Manakala untuk Dato'-Dato', adalah menggunakan kain kapas polos berwarna hitam. Pada suatu ketika dahulu, Orang Empat Istana mengayakan baju Melayu Cekak Musang corak berjalur semasa menghadiri majlis rasmi di istana. Manakala kain songket untuk kegunaan rakyat biasa menggunakan kain tenunan benang kapas nenas atau pisang.

Pada hari ini, DYMM Yang di-Pertuan Besar dan DYMM Tuanku Ampuan, YTM Undang Yang Empat dan YTM Tunku Besar Tampin menggunakan tenunan songket penuh daripada benang sutera dan benang emas atau perak. Pemakaian warna yang digayakan melambangkan status kedudukan seseorang. Penggunaan warna kuning dan putih masih kekal digunakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan. Manakala YTM Undang Yang Empat menggunakan warna yang berbeza. YTM Dato Undang Johol sering

menggunakan warna ungu, YTM Dato' Undang Sungai Ujong menggunakan warna hijau tua, YTM Dato' Undang Jelebu menggunakan warna biru dan YTM Tuanku Besar Tampin sering menggunakan songket tenunan warna hijau muda dan biru muda. Semasa majlis rasmi di Istana Besar Seri Menanti kain tenunan songket sedondon hanya dikhaskan kepada kerabat Diraja dan YTM Dato' Undang sahaja. Rakyat biasa tidak dibenarkan menggunakan songket sedondon semasa majlis rasmi di Istana. Manakala Dato-Dato' Penghulu Luak, Dato'-Dato' Adat, Dato' Bergelar, Buapak dan Pegawai 99 menggunakan kain polos berwarna hitam berdestar songket hitam, bersamping dan bebengkong.



'Dato'-Dato'Yang Empat' mengayakan Busana Baju Melayu Cekak Musang berjalan dengan Destar Seluk Timbo

Di Negeri Sembilan terdapat lima jenis destar yang sering dipakai oleh pembesar terdahulu antaranya ialah Dendam Tak Sudah, Solok Timbo atau Tajul Layang dan Kacang Dua Helai Daun yang digunakan DYMM Tuanku Abdul Rahman. Destar Sarang Kerengga merupakan destar yang direka bentuk oleh DYMM Tuanku Muhammad sendiri. Destar Olang Menyusur Angin sering digunakan oleh pembesar atau orang yang bergelar.




Destar Kacang Dua helai Daun

Destar Dendam Tak Sudah



Destar Solok Timbo

Destar Sarang Kerengga



Olang Menyusur Angin

Kesemua rekaan destar ini melambangkan hasil seni klasik Melayu yang amat indah, menarik dan mengkagumkan. Bentuknya menggambarkan jiwa seni yang halus. Rekaan terbentuk dalam fikiran dan kemudiannya dibentuk oleh tangan. Reka bentuk ini turut diresapi pengaruh Islam yang menyelit unsur falsafah yang tinggi reka coraknya. Reka bentuk, simbolik dan ragam rias destar membuktikan betapa orang Melayu mempunyai daya cipta yang tinggi dalam menghasilkan sesuatu ciptaan.

Destar bernama Solok Timbo
 Bentuk meniru Dendam Tak Sudah
 Lambai kasih beralun arah ke kiri
 Bersusun tiga lapisan
 Bertepi sejari dua
 Pakaian orang nan banyak
 Masuk helat dengan jamu
 Masuk nikah dengan khawin
 Masuk gelanggang sabungan
 Atau bertandang ke kampung halaman

Berdasarkan ungkapan di atas, jelas menerangkan bagaimana proses penciptaan destar dilakukan oleh penakuk destar yang memperoleh idea dari alam sekitar. Ungkapan menerangkan bagaimana destar dicipta berdasarkan alam flora yang mempunyai tiga takuk atau lipatan yang melambangkan kedudukan golongan rakyat biasa. Menggunakan tenunan songket bunga tabur. Manakala ungkapan seterusnya menerangkan destar yang direka untuk orang kebanyakan dan sesuai dibawa ke sebarang majlis rasmi, kenduri kahwin dan bertarung dalam persilatan yang memberi gambaran kesesuaian untuk digayakan oleh pahlawan dan hulubalang. Destar dicipta oleh penakuk destar berdasarkan alam persekitaran yang mempunyai makna dan maksud yang tersirat.

Proses Menakuk Destar

Setiap penakuk destar mempunyai falsafah dan kefahaman yang berbeza dalam menakuk destar berdasarkan ilmu yang diperolehi daripada guru yang mengajar. Melalui temu bual yang dijalankan dengan Haji Mohd Isa, seorang penakuk destar diraja di Negeri Sembilan menyatakan, setiap destar harus disudahkan dengan sepuluh lipatan yang melambangkan pertemuan antara pasangan dan kekasih. Hal ini dimulakan dengan “Langkah Bermula” yang membawa maksud percintaan antara wanita dan lelaki, kemudian “Risik Melangkah”, “Risik Bertemu” dan “Cincin Dikembangkan” yang melambangkan proses pertunangan. Apabila selesai peringkat perkenalan dan upacara merisik, lipatan diteruskan dengan “Lambaian Kasih” yang melambangkan ucapan selamat tinggal anak perempuan kepada ibunya. “Kasih Berjawab” tanda si dara menerima risikan sang teruna. “Kasih Bermula”, “Bertemu Kasih” kemudian hubungan suami isteri bermula dengan “Gelombang Kasih” sebelum diakhiri dengan ‘Lambaian Kasih’ tanda menyambut kedatangan cahaya mata. Dalam pemakaian destar bahagian kasih bermula adalah penanda dan perlu diletakkan selari dengan telinga. Jika kedudukannya betul, barulah cantik dan segar rupa pemakainya. Proses menakuk atau melipat destar ini dapat diringkaskan dengan langkah berikut:

- i. Langkah Bermula
- ii. Risik Melangkah
- iii. Risik Bertemu
- iv. Cincin Dikembang
- v. Lambaian Kasih
- vi. Kasih Berjawab
- vii. Kasih Bermula
- viii. Bertemu Kasih
- ix. Gelombang Kasih
- x. Lambaian Kasih

Proses menakuk destar bukanlah satu kerja yang mudah kerana mempunyai tatacara dan peraturan yang tertentu. Proses menakuk diwarisi sejak zaman-berzaman sama ada pembelajaran secara berguru atau diwarisi daripada keluarga. Tidak semua orang mempunyai bakat dan kemahiran untuk menakuk destar kerana penakuk destar memerlukan daya ketekunan, kecermatan dan kepakaran yang tinggi bagi menjamin kehalusan ketukangannya. Penakuk yang baik dapat menghasilkan destar yang kemas dan teliti.

Sebelum kerja-kerja menakuk destar dimulakan, beberapa peralatan mesti disediakan terlebih dahulu. Antara bahan-bahan penting ialah kertas

keras (kertas putih, kertas minyak atau kertas perang), jarum peniti, jarum, benang, gunting, lidi dan acuan untuk mengukur saiz kepala. Biasanya proses menakuk destar dilakukan pada waktu malam kerana prosesnya memerlukan ketekunan dan tumpuan yang mendalam.

LANGKAH-LANGKAH MENAKUK DESTAR

- 1 Mula-mula kain empat persegi dibentangkan. Kertas keras diletakkan di atas kain yang telah dibentangkan.



Peralatan dan bahan yang perlu disediakan sebelum menakuk

- 2 Potong kertas tersebut menjadikannya kurang daripada dua persepuluh lima (2.5) sentimeter daripada lebar kain.
- 3 Pin jarum peniti pada ke empat-empat penjuru.
- 4 Selepas itu kain empat persegi dilipat dengan cara mendekatkan dua penjuru yang bersebelahan supaya kain itu menjadi 3 segi.
- 5 Sudut yang lebar itu dilipat-lipat beberapa kali, lebih kurang dua atau tiga sentimeter bagi setiap lipatan, bergantung kepada jenis destar yang akan dibentuk.



6 Lipatan yang dibuat mestilah lipatan daun palas kerana dengan menggunakan lipatan jenis ini sahaja bentuk lipatan destar itu jelas bertingkat-tingkat. Jumlah lipatan selalunya antara lima hingga tujuh lipatan. Namun, begitu bilangan tingkat ini tidaklah tetap bagi semua jenis destar. Bergantung kepada taraf si pemakainya. Kalau rakyat biasa menggunakan tiga lipatan atau tiga takuk sahaja.

7 Pin setiap lipatan. Kemaskan setiap lipatan. Baiki bahagian yang dilipat supaya menjadi kemas dan rapi.

8 Gunakan lutut bagi membantu proses pengemasan. Sematkan jarum peniti seberapa banyak yang boleh.



9 Pastikan setiap lipatan yang dibuat mempunyai lebar dan jarak yang sama.

10 Kemaskan bahagian hujung destar dengan menekan dengan lutut pada bahagian hujung sebelah dan kemaskan pada hujung yang lagi satu dan sebaliknya. Begitulah sebaliknya sehinggalah kedua-dua hujung kain dipinkan.



11 Kedua-dua hujung kain dipinkan dan dibelitkan pada lutut untuk menganggarkan ukuran lilitnya yang dianggarkan kemudian dipastikan dengan saiz kepala yang sebenar dengan mengukur lilit kepala orang yang empunya destar.

12 Tandakan tempat pertemuan kedua-dua hujung dan pinkan supaya tetap kedudukan.

13 Bahagian hujung yang tertinggal dilipat masuk ke dalam bahagian sebelah atas tanpa melipatnya ke dalam.

14 Pinkan sekemas yang mungkin supaya hujungnya tidak sampai mencatatkan bentuknya setelah siap nanti.

15 Hujung atau pucuk yang berlapis tadi atau sudut kain yang tertinggal tidak berlipat itu yang dibentuk atau digayakan dengan pelbagai bentuk lipatan atau takukan dan nama. Bahagian ini yang dibentuk sama ada menegak, berjuntai ke hadapan atau melengkung ke belakang untuk menggayakan destar pemakainya.

16 Setelah proses menyempurnakan kedua-dua hujungnya, tumpukan pula pada bahagian di sebelah hadapan. Lipatkan hujungnya ke hadapan dan sematkan setiap lipatan bawah dengan peniti supaya tetap kedudukannya menjadi seakan-akan garis selari.

17 Ambil sebatang lidi, rotan atau menggunakan dawai kasar dan dicucukkan ke dalam dari arah belakang sehingga menjadi ke garis puncaknya. Tujuan dimasukkan lidi atau rotan ini adalah untuk menjadi puncak destar itu tegak berdiri dan kemas bentuknya.

18 Bahagian lidi atau rotan yang berlebihan dipatah sejarak dengan hujung kain untuk mengelakkannya daripada penglihatan.

19 Kemaskan lipatan supaya nampak kemas dan teliti.




Haji Mohd Isa sedang menakuk Destar

Teknik Pemakaian Destar

Setiap destar harus mempunyai elemen seperti berikut:-

- i. Tanah
- ii. Gunung / Daun
- iii. Takuk
- iv. Simpul kasih
- v. Tunas kasih
- vi. Lambaian Kasih
- v. Gelembung Kasih



Pemakaian destar mestilah mengikut peraturan yang ditentukan, sesuai dengan bentuknya yang teratur, kemas dan rapi. Apabila menghadiri majlis formal atau adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti terutamanya dalam majlis-majlis rasmi seharusnya berpakaian lengkap dengan Baju Melayu, bersamping dan berbengkung. Semasa pemakaian destar pastikan kedudukan pucuknya yang dipanggil “Tunas Kasih” atau “Simpul Kasih” harus diletakkan tepat di atas mata kanan dan lambaian kasihnya pula dihalakan ke arah kiri. Perbezaan posisi lambaian kasih ini menjadi semacam satu simbol yang menandakan darjat dan keturunan seseorang. Lambaian kasih menghala ke kanan hanya untuk DYMM Yang di-Pertuan Besar dan YTM Dato’ Undang dan YTM Tunku Besar Tampin.

Kesimpulan

Seni menakuk destar mempunyai nilai estetik yang perlu dipelopori oleh generasi baru. Satu usaha perlu dilaksanakan supaya masyarakat generasi baru dapat memahami secara mendalam tentang latar belakang sejarah dan perkembangan seni lipatan destar. Generasi baru dalam masyarakat Melayu seharusnya memahami falsafah dan pengertian yang terkandung dalam setiap lipatan destar ini di samping dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dalam pemakaian destar. Golongan kreatif, karyawan dan penjawat awam (penglibatan dalam bidang seni budaya) perlu memahami dan menguasai ilmu pengetahuan mengenai kaedah dan cara yang betul dalam

pemakaian destar. Pelbagai usaha perlu dijalankan untuk memastikan pemakaian destar ini terus terpelihara dan menjadi kebanggaan generasi akan datang ke arah memartabatkan pemakaian asli busana Melayu.

**Kolek menuju ke Pulau Ansga
Baju dipakai dibubuh perada
Seni indah warisan bangsa
Budaya Melayu megah di persada**



Rujukan

- Abdul Rahman Al-Ahmadi (2003). Tamadun Rumpun Budaya Melayu. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Aziz Deraman (1976). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- (2010). Wacana Peradaban Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (1997) Sulalat al-Salatin, *Ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Shah bin Mohd Said al-Haj (2000). *Tambo Alam Naning*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Norhalim Hj. Ibrahim (2003). *Terombo Atau Perbilangan: Suatu Analisis Awal: Bandar Baru Bangi, AFY Communications*.
- Raja Kobat Salehuddin (1996). *Konsep Pakaian Melayu Dari Sejarah Dan Kebudayaan*. Kertas Kerja Bengkel Seni Lipatan Tengkolok.
- Salikin Sidik (2011). *Busana Pengantin Melayu Tradisional*. Group Buku Karangkraf. Kuala Lumpur.
- Siti Zainon Ismail (1977). *Busana Melayu Johor*. Fajar Bakti, Shah Alam.
- Syed Ahmad Jamal (1979). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Alwi Bin Sheikh Al Hadi (1960). *Adat Resam Melayu Dan Adat Istiadat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- (1996). *Falsafah Dalam Seni Lipatan Dan Pemakaian Tengkolok Melayu*. Kertas Kerja Bengkel Seni Lipatan Tengkolok.
- Tenas Effendy (1989). *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Wan Yahya (2004). *Destar Warisan Malaysia Koleksi Terpilih*. Muzium Negara.
- Setanjak, Tanjak, Destar, Tengkolok, Gemala Kasturi (blog), 11 Julai 2010. Diambil pada 3 Mac 2012.
- Warisan Budaya Malaysia: Pakaian dan Perhiasan Masyarakat Melayu – Perhiasan Kepala, Perpustakaan Negara Malaysia. Diambil pada 3 Mac 2012.
- Tanjak Warisan Melayu, Resam Melayu. Diambil pada 3 Mac 2012.
- <http://destarwarisanmalaysia.blogspot.com/2011/01/destar-pahang-darul-makmur.html>

MISE-EN-SCENE

DALAM PEMENTASAN TEATER

Mise-en-scene adalah ungkapan untuk menggambarkan kedudukan atau penciptaan adegan untuk reka bentuk pentas atau filem, yang turut merangkumi keseluruhan elemen visual.

“*Mise-en-scene*” merupakan istilah Perancis yang bermaksud adegan dan merupakan aspek paling penting berbanding penataan artistik sesebuah teater/filem.

“*Mise-en-scene*” meliputi fungsi sebuah adegan bagi menjelaskan sesuatu atau untuk memberi kesan dramatik dan semua elemen itu bergantung pada kehebatan penceritaan itu sendiri. Penyusunan elemen dalam *mise-en-scene* juga sangat penting kerana perkara ini akan menimbulkan pelbagai macam perkara lain seperti harapan pelakon dalam babak tersebut,

permasalahan watak dan lain-lain lagi. *Mise-en-scene* juga berperanan untuk menjadikan penonton resah dan melahirkan keinginan untuk terus mengetahui perkembangan tentang sebuah adegan, bahkan keseluruhan penceritaan.

Apabila menonton sesebuah pementasan teater, perkara yang mudah dikesan adalah susun letak prop, pencahayaan serta gerak pelakon dalam ruang. Namun ada segelintir pengarah seni yang kurang peka dan tidak memberikan penataan seni yang teliti serta memberi penata cahaya yang tidak mampu menghidupkan suasana. Perkara seperti ini disebut *mise-en-scene* iaitu seni mencipta adegan.



I. SET

Set merupakan tempat atau ruang sesuatu babak dan dicipta berdasarkan pelbagai pertimbangan seperti kesinambungan grafik, misalnya kesinambungan warna. Unsur konsisten dalam pemakaian warna, berhubungkait dengan dimensi grafik dan perjalanan cerita tersebut. Set berperanan penting dalam sesebuah penceritaan. Set boleh menjadi medium penyampaian cerita meskipun tanpa pelakon.

II. KOSTUM DAN SOLEKAN

Kostum dan solekan boleh dijadikan cara untuk memenuhi dimensi grafik yang kreatif. Kesinambungan jenis dan warna kostum, latar masa/zaman serta solekan adalah bergantung pada sudut pandangan pengarah dalam menggarap ceritanya. Kostum turut menjadi simbol bagi zaman, negara, mahupun ideologi tertentu. Kostum mempunyai hubung kait dengan set. Set berperanan memberikan latar belakang yang natural dan bersesuaian dengan penceritaan, manakala kostum membantu mewujudkan identiti karakter pelakon. Kostum boleh menonjolkan sifat sebenar pelakon. Penampilan pelakon yang telah disolek tentu akan berbeza, bergantung konteks dramatik yang diinginkan oleh pengarah.



III. PENCAHAYAAN

Pencahayaan menjadi salah satu kunci untuk membangkitkan kesan dan mood dalam penceritaan, yang dapat memanipulasi ruang dan menjadi penguat dalam sesuatu babak. Sebagai contoh, dalam penceritaan bercorak penyiasatan, seorang penjahat yang memiliki banyak rencana jahat tidak akan ditampilkan dengan cahaya yang terang benderang. Sama juga dengan konsep yang bergenre seram, pencahayaan yang digunakan oleh pengarah adalah berwarna biru dan hijau. Permainan cahaya boleh menjadi sesuatu yang kreatif kerana secara tidak langsung, cahaya ternyata memberikan kesan yang berbeza bagi setiap benda yang terkena pantulannya. Ketika ini cahaya mempunyai peranan yang sangat penting.



Muzik Tradisional Melayu

Muzik tradisional Melayu dipercayai bermula daripada masyarakat primitif yang mengamalkan kepercayaan animisme dan menggunakan pergerakan (tarian) serta muzik (bunyi-bunyian). Penghasilan muzik dikatakan bermula dengan suara manusia, haiwan, tepukkan tangan, hentakan kaki dan ketukkan kayu. Semakin lama, semakin muncul satu persatu alat-alat muzik seperti seruling yang dicipta untuk memeriahkan lagi upacara mengikut kepercayaan animisme yang dianuti. Sejarah muzik Melayu juga harus dilihat dari sudut dunia Melayu lama yang merangkumi Malaysia, Indonesia, sebahagian negeri Thailand, Kampuchia dan Filipina. Pengaruh dan ikutan dari negara-negara tersebut banyak memberi impak kepada sejarah muzik Melayu.

Variasi muzik tradisional di Malaysia adalah hasil campuran pelbagai etnik. Muzik tradisional secara amnya digunakan sebagai lambang budaya sesuatu bangsa. Gabungan ritma dan intonasi muzik yang murni menjadikan suatu melodi itu istimewa. Ia tidak akan lapuk ditelan zaman kerana masih ada lagi penggemar-penggemar muzik tradisional yang memperjuangkannya.

GHAZAL



Ghazal adalah satu kesenian tradisional masyarakat Melayu negeri Johor yang popular. Pada awal kemunculan, muzik Ghazal dipanggil Qamat yang bermaksud nyanyian dan berih rendah yang berasal dari Tanah Arab. Kini, muzik Ghazal sering dimainkan dalam pelbagai acara atau keramaian di Johor.

Populasi Muzik Tradisional Melayu

Peralatan Muzik Ghazal

Harmonium



Berasal dari India dan salah satu instrumen penting dalam Ghazal Melayu Johor.

Violin

Kecil sedikit daripada viola dan jenis bertali yang digesek. Mempunyai saiz 3/4 dan 4/4.



Gambus

Berasal dari Timur Tengah yang merupakan alat muzik bertali dan wajib ada dalam Ghazal Johor.



Tabla

Berasal dari India. Yang kecil dinamakan Zeal dan yang besar adalah Bam.



Tamborin dan Marakas

Alat muzik dari keluarga gendang yang perlu ada sebagai pemegang tempo dan rentak.



DONDANG SAYANG NOBAT



Dondang Sayang muncul pada kurun ke-15 Masihi semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka, (Sultan Mansur Shah) untuk menghiburkan para pedagang yang singgah di Melaka dan dijadikan sebagai medium menyampaikan/meluahkan rasa kasih. Dondang Sayang dinyanyikan dalam bentuk berbalas pantun yang disampaikan secara spontan.

Kualiti nyanyiannya adalah bergantung kepada kecekapan penyanyi dalam berjual beli pantun. Kebiasaannya diketuai oleh pemain viola yang berperanan sebagai penentu melodi kaunter. Alat-alat muzik yang digunakan untuk mengiringi nyanyian Dondang Sayang adalah terdiri daripada viola, gong dan tiga buah rebana yang terbahagi kepada dua iaitu rebana kompang dan rebana keras.

Peralatan Muzik Dondang Sayang



Gong

Rebana Keras

Rebana Kompang



Merupakan salah satu muzik warisan yang masih kekal sehingga kini khususnya di istana yang diangkat sebagai seni persembahan istana diraja Melayu. Terdapat negeri-negeri yang masih mengekalkan seni persembahan nobat iaitu negeri Perak, Kedah dan Terengganu.

Pemain Nobat terdiri daripada orang-orang tertentu sahaja dan kebiasaannya diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Muzik Nobat jarang diketahui dan didengar oleh masyarakat kerana ia hanya dimainkan di istana sahaja.

Peralatan Muzik Nobat



Gong

Nahara

Nafiri

Gendang Ibu & Gendang Anak

Serunai

Rentak Muzik Tradisional Melayu

- 1) Melayu Asli
- 2) Inang
- 3) Zapin
- 4) Masri
- 5) Joget

Rentak-rentak tersebut adalah material dan elemen utama dalam muzik tradisional Melayu

1) MELAYU ASLI

Berciri sayup, mendayu atau sedih. Mempunyai bunyi, tempo serta muzik yang perlahan dan lembut. Menggunakan pantun khususnya berkaitan sejarah lama atau cinta seperti lagu Seri Mersing, Siti Payung dan Gurindam Jiwa.

Lazimnya, pemain/penyanyi violin akan menyanyikan/memainkan melodi utama diiringi oleh alat-alat muzik yang lain. Lagu berentak Melayu asli tidak mudah untuk dinyanyikan kerana ia memerlukan penguasaan suara, teknik nyanyian serta pernafasan yang betul.

1	2	3	4
○	X	X	-○

Penggambaran atau corak asas rentak Melayu asli
*corak di atas dimainkan secara berulang

2) INANG

Rentak inang mempunyai kaitan dengan seorang inang pengasuh, iaitu seorang ketua dayang di dalam istana pada zaman Kesultanan Melayu dahulu. Inang pengasuh bertanggungjawab menjaga puteri di istana. Rentak inang adalah muzik rancak yang mengikut lenggang lenggok perjalanan inang pengasuh.

Sewaktu zaman kegemilangan seni Bangsawan, muzik berentak inang sering dimainkan mengiringi adegan-adegan dramatik yang ringan. Muziknya boleh dimainkan dengan alat-alat muzik barat serta alat-alat muzik tradisional.

1	2	3	4
○	-	X	-

Penggambaran atau corak asas rentak Inang
*corak di atas dimainkan secara berulang

3) ZAPIN

Rentak zapin mempunyai asal usul dari Timur Tengah yang dibawa oleh pedagang-pedangan Arab yang berdagang di Tanah Melayu pada abad ke-19. Muzik zapin lazimnya dimainkan bersama alat muzik gambus. Rentak zapin juga mempunyai identitinya yang tersendiri dalam dunia tarian Melayu.

Selain alat muzik gambus, muzik zapin juga boleh dipimpin oleh alat muzik violin atau akordian. Alat muzik rebana pula akan mengiringi dengan memainkan rentak zapin.

1	2	3	4
○	-	X	-

Penggambaran atau corak asas rentak zapin
*corak di atas dimainkan secara berulang

4) MASRI

Rentak masri mempunyai asal usul dari Timur Tengah. Temponya agak laju dan lirik lagu kebiasaannya mengenai cinta, tradisi dan berunsur keagamaan seperti memuji kebesaran Allah.

Lagu-lagu berentak masri boleh dinyanyikan secara solo atau berpasangan. Penyanyi menjual beli pantun secara usikan atau gurauan antara satu sama lain.

1	2	3	4
○	X	-	X

Penggambaran atau corak asas rentak Masri
*corak di atas dimainkan secara berulang

5) JOGET

Rentak joget adalah rancak dan laju. Ia dipimpin oleh violin, akordian serta rebana. Muzik joget kebiasaannya dimainkan sewaktu musim perayaan dan diakhiri dengan bahagian tandak iaitu tempoh muziknya menjadi semakin laju menandakan lagu akan berakhir.

○	X	X	○
---	---	---	---

Penggambaran atau corak asas rentak Joget
*corak di atas dimainkan secara berulang

Corak asas rentak-rentak di atas akan lebih cantik dan menarik jika dimainkan secara bertingkah yang memerlukan dua orang atau lebih pemain gendang.

“Perintis Fesyen Malaya”

Saloma

IKON FESYEN RETRO TANAH MELAYU



Meneruskan kehidupan sebagai anak seni selepas perang dunia ke-2 menjadikan Salmiah binti Ismail atau lebih dikenali sebagai Saloma, merupakan seorang artis yang terkenal dan sehingga kini biarpun telah tiada, namun namanya masih diingati. Nama beliau sebagai biduanita negara ibarat tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas. Pernah memegang watak sebagai Cik Salmah dalam filem *Seniman Bujang Lapok* bergandingan dengan lagenda seni tanah air ketika itu, Tan Sri Pramlee, S Samsudin dan Aziz Satar.

Menerima jolokan sebagai “Marilyn Monroe of the East” kerana keberanian beliau menggayakan fesyen yang terkini dan berlainan daripada artis lain. Kreativiti pakaian Saloma melambangkan identiti yang tersendiri melalui cita rasanya yang berkonsepkan “suai dan padan”. Penambahan manik, labuci serta teknik jahitan dan lilitan yang unik menjadikan penampilan pentas beliau lebih menarik.

Jabatan Muzium Malaysia telah berusaha mengumpul dan membuat pameran pakaian dan aksesori biduanita negara ini bertujuan untuk menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam seni fesyen tanah air sehingga digelar sebagai “perintis fesyen Malaya”. Pameran Ikon Fesyen Retro telah berlangsung sepanjang 8 Ogos sehingga 31 Oktober 2017.



Pameran ini dilaksanakan bertujuan untuk mengiktiraf keunikan rekaan fesyen beliau yang telah menjadi ilham kepada pereka-pereka fesyen pada waktu kini. Sebanyak 65 jenis fesyen beliau dipamerkan dengan keunikan yang tersendiri. Dengan usaha baik ini, pengunjung dan juga peminat biduanita Saloma dapat melihat sendiri stail rekaan, jenis tekstil, dan juga warna pakaian yang dipakai oleh beliau semasa menjadi artis. Pengunjung akan dapat membayangkan sendiri kemeriahan pakaian beliau yang sungguh unik semasa zaman kegemilangan beliau.

Antara fesyen Saloma yang sedang hangat pada waktu sekarang dan menjadi satu ikutan kepada ramai wanita adalah seperti rekaan peplum, kebaya ketat, kain belah, kain kipas dan juga blouse lengan kembang. Semua fesyen beliau masih gah dan segar digunakan. Fesyen peplum dan juga kain belah sempit merupakan salah satu rekaan yang dipakai semasa menyanyikan lagu Selamat Pengantin Baru dalam Filem Madu Tiga yang ditayangkan pada tahun 1964. Siapa sangka potongan kebaya tradisional klasik hasil gayaan beliau telah menjadi pakaian rasmi pramugari Malaysia Airlines dan Singapore Airlines (SIA).



PEMBANGUNAN SENI DI SEBALIK KEMAJUAN SAINS & TEKNOLOGI

Perkataan sains menurut Kamus Dewan, Edisi Keempat adalah :

1. Ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya;
2. Cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata (fizik, kimia, biologi dan lain-lain).

Teknologi membawa maksud aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, perubatan, perniagaan dan lain-lain.

Kesenian pula adalah perihal seni, yang berkaitan dengan seni, keindahan (kehalusan); dan

Kebudayaan adalah keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi).

Ringkasnya, sains, teknologi dan seni adalah tiga elemen yang saling berkaitan kerana sejauh mana pun kemajuan sains dan teknologi ia masih tidak boleh menafikan peranan aspek seni. Begitu juga dengan perkembangan seni yang didokong oleh kemajuan sains dan teknologi.

Teknologi adalah aplikasi kepada pengetahuan saintifik yang dimanfaatkan dalam setiap aspek kehidupan merangkumi bidang domestik, pengangkutan, pertanian, komunikasi serta bidang kebudayaan dan kesenian. Manakala kesenian dan kebudayaan pula adalah refleksi kepada ketamadunan sesuatu bangsa yang membentuk keperibadian dan jati diri masyarakat.

Seni telah diterima oleh masyarakat sebagai satu budaya hidup yang perlu dikekalkan. Untuk lebih kompeten, perkembangan seni

perlu selari dengan perkembangan teknologi dalam usaha menyebarkan, menyemarakkan dan memastikan kesinambungan dari generasi ke generasi. Kemajuan teknologi tidak boleh dijadikan sebagai penghalang untuk mencapai matlamat berkenaan. Malah ia dijadikan ruang dan peluang untuk meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi dalam pelbagai cabang seni dengan tidak menghilangkan secara keseluruhan ciri-ciri asal kesenian dan kebudayaan. Cari titik pertemuan yang boleh menyatukan kedua-duanya demi kepentingan bersama dan mengaplikasikan perkembangan sains dan teknologi dalam usaha membangun dan menyemarakkan kesenian dan kebudayaan.

Teknologi komunikasi misalnya telah menyediakan pelbagai pilihan komunikasi yang ternyata lebih bersifat menyeluruh dalam ruang masa yang lebih cepat, tepat, menjimatkan masa, kos serta tenaga. Kita mempunyai kelebihan untuk berkongsi segala maklumat mengenai pelbagai aktiviti



kesenian dan kebudayaan. Kemajuan teknologi komunikasi telah melahirkan pelbagai media baharu yang amat membantu usaha promosi, publisiti dan penyebaran maklumat. Penggunaan pelbagai aplikasi dan media baharu ini telah menjadi ruang global dalam usaha mendidik pelbagai lapisan masyarakat mengenai kesenian dan kebudayaan melalui konsep 'dunia di hujung jari'. Maklumat yang dikongsi dapat disampaikan kepada masyarakat terutama kumpulan sasar dengan lebih efektif kerana ia boleh dikongsi dan ditularkan dengan pantas. Dalam kegawatan ekonomi negara, memilih menggunakan media baharu sebagai ruang sosial untuk menyebarkan maklumat adalah pilihan yang terbaik.

Kemajuan sains dan teknologi juga turut memberi manfaat kepada aspek kesenian yang lebih luas seperti industri perfileman. Kita boleh melihat dengan jelas perbezaan dan transformasi dalam penghasilan drama dan filem bermula pada era 1930-an sehingga kini. Paling ketara adalah penghasilan filem-filem berwarna berbanding filem hitam putih yang ternyata memberi nilai tambah kepada filem berkenaan. Pada penghujung tahun 1990-an, industri perfileman dunia telah melalui proses revolusi dengan kemunculan teknologi video digital yang akhirnya mewujudkan persaingan dengan filem yang dihasilkan secara tradisi. Perkembangan sains dan teknologi menyaksikan kemajuan dalam industri perfileman terus meningkat ke tahap yang lebih maju dan berdaya saing.


Kepesatan dalam industri ini telah mewujudkan lapisan penggiat-penggiat filem generasi baru yang saling bersaing untuk menghasilkan filem terbaik menggunakan pelbagai teknologi terkini. Antaranya ialah teknologi GCI (Computer-Generated Imagery) dengan pelbagai kesan khas visual sehingga mampu bersaing dengan filem-filem luar negara. Malah kemajuan dalam sains dan teknologi juga membuka peluang kepada anak tempatan menghasilkan filem animasi yang sebelum ini didominasi oleh negara luar. Filem animasi 'Boboiboy The Movie' karya Animonsta Studios Sdn. Bhd. misalnya, telah menjadi filem tempatan pertama yang berjaya menembusi pasaran Korea Selatan, selepas tayangan di Brunei, Singapura dan Indonesia.

Kemajuan sains dan teknologi juga telah mewujudkan ruang transformasi dan inovasi seni yang mencetuskan idea untuk membangunkan industri kreatif. Idea ini bermula secara rasminya di United Kingdom pada tahun 1997 selepas Tony Blair yang dilantik sebagai Perdana Menteri Britain pada ketika itu menubuhkan 'Creative Industri Task Force' yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dokumen pemetaan industri kreatif. Ia merujuk kepada industri berasaskan bakat, kemahiran dan kreativiti individu yang berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan dan penjana ekonomi.

Industri kreatif di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan di dalam buku Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) didefinisikan sebagai pengemblengan dan penghasilan kebolehan, bakat individu atau berkumpulan yang berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi. Ia menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada Negara dengan penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek. Skop DIKN merangkumi Industri Kreatif Multimedia (penerbitan filem, TV, iklan, rekaan, animasi dan kandungan digital), Industri Kreatif Seni Budaya (seni persembahan, kraf, muzik, visual, penulisan, fesyen dan tekstil) dan Industri Kreatif Warisan Budaya.

Industri kreatif telah membawa kepada kewujudan ekonomi kreatif hasil daripada gabungan pembangunan pelbagai aspek merangkumi aspek kreativiti, budaya, ekonomi dan teknologi. Ia adalah selaras dengan matlamat DIKN untuk menjadikan industri kreatif sebagai penyumbang dinamik kepada KDNK Negara serta memanfaatkan teknologi sebagai pemangkin kepada industri kreatif.

Kesimpulannya, berdasarkan pencapaian dan perkembangan dalam bidang kesenian yang dicapai, boleh ditakrifkan bahawa kemajuan sains dan teknologi seharusnya tidak dijadikan sebagai 'ancaman' tetapi sebaliknya ia adalah 'peluang' untuk membangun dan menyemarakkan kesenian dan kebudayaan dalam kalangan masyarakat.



PERKONGSIAN INFO:

TEKNIK ASAS SINEMATOGRAFI DOKUMENTARI

Teknik Sinematografi adalah penting kepada pembuat filem untuk menyampaikan sesuatu struktur penceritaan dengan berkesan. Bagi menghasilkan sesebuah filem yang berkualiti, setiap teknik perlu dikuasai untuk menghasilkan satu gambaran nyata yang menggambarkan perasaan, suasana dan watak pelakon dalam sesebuah filem.

Tahap sinematografi dalam perfileman Malaysia adalah masih muda jika dibandingkan dengan Hollywood yang menjadi perintis kepada industri perfileman dunia. Tahap kreativiti teknik sinematografi adalah menjadi titik tolak kepada kejayaan industri perfileman sesebuah negara. Kejayaan ini dihasilkan oleh seorang pengarah fotografi (sinematografer).

Sinematografer hendaklah mengetahui teknik asas sinematografi sebelum beralih kepada fasa profesional yang berupaya menghasilkan idea dan "look" setanding Hollywood yang mampu menghasilkan filem yang mempunyai kelas yang tersendiri.

Berikut ialah 4 teknik asas dalam sinematografi yang wajib diketahui oleh seseorang sinematografer:



1. PENCAHAYAAN TIGA TITIK (*THREE-POINT LIGHTING*)

Teknik *3-Point Lighting* ini adalah satu teknik asas piawai bagi sinematografer dalam menatacahaya sesuatu babak filem. Mempunyai 3 lampu (*key light, fill light dan back light*) dalam menatacahaya sesuatu subjek yang ingin dirakam.



KEY LIGHT

Berperanan memberi sumber cahaya yang utama terhadap objek yang dirakam dari hadapan.

BACK LIGHT

Memberi sumber cahaya dari belakang bagi mewujudkan contour terhadap subjek yang dirakam.

FILL LIGHT

Kebiasaannya memberi cahaya bersudut sama ada $\frac{1}{2}$ atau $\frac{1}{4}$ dari nilai cahaya *key light* bagi memberi kesan yang lebih natural atau dramatis.

2. SIZE SHOOT

Pengarah filem dan Sinematografer akan berbincang untuk menentukan rangka dan saiz shot dalam sesebuah babak yang akan dirakam. Saiz shot merupakan salah satu teknik penting yang berperanan menyampaikan sesuatu penceritaan yang dikehendaki oleh pengarah. Misalnya, shot objek yang dirakam secara dekat mempunyai kesan dramatis berbanding shot objek yang dirakam dari jauh.

Shot yang biasa digunakan ialah **Close Up (CU)**, **Extreme Close Up (XCU)**, **Establishing Shot (ES)**, **Long Shot (LS)**, dan **Medium Shot (MS)**. Kebanyakan shot-shot yang disenaraikan mempunyai makna yang tersendiri. Apa yang menariknya, **Establishing Shot (ES)** adalah shot utama yang menunjukkan perubahan masa atau lokasi sesuatu babak tersebut.

Pengambilan gambar terhadap suatu objek dapat dilakukan dengan lima cara:

Bird Eye View

Teknik pengambilan gambar yang dilakukan dengan ketinggian kamera berada di atas ketinggian objek akan menghasilkan gambaran yang luas, manakala objek lain akan kelihatan lebih kecil. Cara ini biasanya menggunakan helikopter ataupun dari bangunan-bangunan tinggi.



ESTABLISHING SHOTS (ES)



CLOSE UP (CU)



EXTREME CLOSE UP (XCU)



MIDIUM LONG SHOTS (MS)



LONG SHOTS (LS)

High Angle

Sudut pengambilan dari atas objek sehingga objek kelihatan kecil. Teknik ini memiliki kesan dramatis iaitu nilai "kerdil".



Low Angle

Sudut pengambilan dari arah bawah objek sehingga objek kelihatan besar. Teknik ini membuatkan objek kelihatan agung, berwibawa dan juga kuat.



Eye Level

Sudut pengambilan gambar sejajar dengan objek. Teknik ini tidak memiliki kesan dramatik dan memperlihatkan pandangan mata seseorang.



Frog Eye

Sudut pengambilan gambar dengan ketinggian kamera sejajar dengan kedudukan objek atau lebih rendah.



3. PERGERAKAN KAMERA

Pergerakan kamera akan digerakkan dengan beberapa teknik bertujuan untuk menyampaikan sesuatu makna yang naratif atau dramatis. Contohnya ialah *Panning, Tilting, Dolly, Trucking*.



PANNING

Pergerakan kamera secara horizontal (posisi kamera tetap di tempat) dari kiri ke kanan atau sebaliknya.

TILTING

Pergerakan kamera secara vertical (posisi kamera tetap di tempat) dari atas ke bawah atau sebaliknya.



TRUCKING

Pergerakan kamera mendekati atau menjauhi objek.



DOLLY

Pergerakan kamera ditolak atau ditarik yang di pasang di tripod.

4. TEKNIK MATTE

Teknik Matte adalah teknik suntingan yang klasik pada zaman 70-an hingga 80-an; di mana dua gambar atau shot yang berbeza dicantum atau digabung dalam satu shot sahaja. Teknik ini kebiasaannya diaplikasikan di mana pelakon akan dirakam berlatarbelakangkan tempat yang berasingan dari tempat asal rakaman. Walaubagaimanapun, teknik ini kemudiannya digantikan dengan teknik alternatif iaitu penggunaan *Computer-Generated Images (CGI)* yang menggunakan layar hijau (*Green Screen*).



Sumber rujukan : Internet

FROM ZERO TO HERO

*Mencari buluh membuat pagar
Jangan terpotong pohon rambutan
Mencari guru niat belajar
Supaya tidak kesal kemudian*

Mohammad Khairi Mokhtar, berusia 27 tahun, anak kelahiran Jelevu, Negeri Sembilan telah mendapat pendedahan dalam bidang tari tradisional Melayu secara asas pada usia 14 tahun, dengan penglibatan dalam pelbagai persembahan berskala kecil dan besar sebagai 'penari kampung'. Bermula secara 'suka-suka' akhirnya minat dalam bidang tarian semakin bercambah dan sebaik tamat Sijil Pelajaran Malaysia (2006), beliau berkhidmat dan menyertai Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Negeri Sembilan. Tempoh sepanjang perkhidmatan beliau di JKKN Negeri Sembilan sebagai 'penari jabatan' digunakan sebaik mungkin untuk mengutip pengalaman dan mendalami bidang tari secara lebih mendalam.

Anak muda yang lebih mesra dikenali sebagai Khairi merupakan pemegang Diploma (2007-2010) dan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Seni Tari (2013) dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). 2017 beliau telah menghabiskan pengajiannya di peringkat master dalam jurusan Master of Fine Arts yang dibiayai sepenuhnya oleh Korea National University of Arts dan kini meneruskan kerjayanya sebagai penari profesional dan koreografer.

Sepanjang bergelar sebagai penari dan koreografer, beliau banyak menyertai bengkel dan persembahan-persembahan di dalam dan luar negara. Berkat hasil usahanya yang tidak pernah mengenal erti jemu dan berputus asa, Khairi berjaya melakarkan kenangan terindah dalam hidupnya sebaik sahaja terpilih untuk menyertai Shobana Jeyasingh Dance Company di London untuk Classic Cut Tour yang bermula pada 2012



hingga 2013. Tawaran daripada sebuah agensi terkemuka di peringkat antarabangsa khususnya dalam kalangan peminat tari seluruh dunia, dianggap sebagai satu penghormatan yang amat tinggi nilainya.

Berdirinya seorang anak muda bernama Mohammad Khairi Mokhtar sebagai seorang yang berjaya, adalah berkat doa dan sokongan yang tidak pernah putus dari seorang wanita bergelar ibu. Biarpun kini, wanita kesayangannya itu telah pergi selamanya pada tahun 2010, namun hingga kini doa dan harapan ibunya menjadi tonggak utama dalam melakari kejayaan di peringkat antarabangsa.

Perjalanan hidup sebagai penari dan koreografer, pastinya akan menempuhi pelbagai cabaran. Namun, setiap cabaran yang datang, ada penyelesaiannya kerana cabaran itulah yang akan menjadikan seseorang itu lebih baik dan kuat dari sebelumnya. Apabila memilih untuk mempelajari seni tari klasik India - Bharatanatyam sejurus tamat pengajian peringkat ijazah, anak muda ini berusaha mempersiapkan mental dan fizikalnya kerana pasti akan ada cabaran besar yang menantinya di hadapan. Mempelajari estetika dan ekspresi budaya tari India khasnya Bharatanatyam yang berasal dari Tamil Nadu, India (Di bawah bimbingan para

guru di The Temple of Fine Arts (TOFA) bukanlah sesuatu yang mudah sehingga membuat beliau hampir berputus asa. Tekanan semakin dirasakan apabila beliau perlu membuat pembahagian masa di antara menghadiri latihan tari klasik, peranannya sebagai penari di ASK Dance Company (ADC) dan Shobana Jeyasingh Dance Company yang memerlukan beliau berulang alik dari Kuala Lumpur ke Kota London serta penyertaannya dalam persembahan dan bengkel tari dalam dan luar negara. Kemudian beliau perlu mengatasi masalah komunikasi sepanjang pengajiannya di Korea National University of Arts dalam tempoh yang sangat singkat memandangkan hampir 99 peratus penggunaan bahasa di sana adalah dalam bahasa Korea.

Namun, untuk mencapai impian dan cita-citanya, beliau nekad dan berazam melalui segala cabaran dan pahit getir yang datang. Kini beliau merupakan top 6 pelajar Melayu Islam yang berjaya menamatkan pengajian Bharatanatyam hingga ke peringkat Arangetram dan menjadikan YBhg. Professor Dr. Josep Victor Gonzales, Ketua Pengajian Akademik dan Kontekstual, Akademi Seni Persembahan, Hong Kong sebagai idolanya.



Sebagai anak seni yang ingin terus memperjuangkan seni tari, beliau menyimpan hasrat untuk melihat tari kontemporari akan lebih diterima di Malaysia tanpa prejudis seperti mana penerimaan masyarakat terhadap bidang seni yang lain. Beliau turut mengimpikan untuk membuka akademi tari serta berkongsi ilmu dan pengalaman dalam tari klasik India - Bharatanatyam dengan generasi muda kerana beliau beranggapan bahawa 'Bharatanatyam' mampu mendisiplinkan diri, mengasah bakat dan minda, menguatkan emosi, ekspresi serta mengukuhkan psikologi dalam setiap aspek kehidupan.

MOHD KHAIRI BIN MOKHTAR

UMUR
29 TAHUN

BERASAL DARI
JELEBU, NEGERI SEMBILAN

KEPAKARAN & ANUGERAH

Tari Kontemporari

- 2017 - Master of Fine Arts, Dance Performance (majoring in contemporary dance) - Korea National University of Arts (KARTS)
- 2013 - Bachelor of Dance with Honour (majoring in contemporary dance and Bharatanatyam) - Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Tari Klasik India Bharatanatyam

- Arangetram 2014
- Best Full-length Dance Choreography in BOH Cameronian Arts Awards 2015 along with Yunus Ismail and Baizura Abdul Ghani



BUDAYA MALAYSIA:

Imej Negara atau Aset Pelancongan?

IMEJ BUDAYA MALAYSIA

Budaya sering kali dikaitkan dengan warisan – warisan seperti seni tari, joget, ukiran, makanan dan pakaian tradisional yang melambangkan imej penduduk sesebuah negara. Sekiranya diamati promosi budaya sesebuah negara yang dipaparkan di media massa dan media sosial, boleh dikatakan keseluruhan akan memapar dan menggambarkan warisan budaya seperti tarian, makanan dan baju tradisional. Permainan tradisional juga kerap dijadikan simbol budaya bagi sesebuah negara.

Tidak dinafikan bahawa imej budaya Malaysia turut mengeksploitasikan warna warni dan kepelbagaian imej budaya di Malaysia untuk dijadikan promosi dalam pemasaran produk pelancongan negara. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, kepelbagaian budaya merupakan aset penting dan wajar diketengahkan untuk pengetahuan masyarakat dunia. Keindahan dan keunikan warisan budaya Malaysia seperti seni tari, busana tradisional, muzik tradisi dan makanan warisan merupakan contoh tarikan budaya yang telah sekian lama

menjadi tarikan pelancong untuk melancong ke negara ini.

Dari perspektif pelancongan, budaya merupakan salah satu tarikan pelancong dan merupakan produk pelancongan yang unik kepada sesebuah negara tersebut yang menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara. Dapat disimpulkan bahawa budaya Malaysia mampu menyumbang kepada pendapatan negara dan menjadi aset penting negara. Namun begitu, adakah sehingga tahap ini sahaja fungsi budaya kepada negara? Sejauh manakah jangkauan budaya itu dalam kehidupan seharian kita? Adakah budaya itu semata-mata tarian, busana dan makanan warisan? Dan sejauh manakah rakyat Malaysia benar-benar memahami erti budaya?

AMALAN BUDAYA TINGGI

Realitinya, definisi budaya merangkumi pemahaman yang lebih meluas dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Budaya meliputi aspek kehidupan seharian seperti perfuturan, tingkah laku dan sikap. Budaya hormat-menghormati merupakan amalan budaya



yang cukup sinonim dengan masyarakat Asia amnya.

Memetik kenyataan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim semasa Kongress Budaya 2017 di UKM pada 15 April 2017, budaya masa kini dianggap sekadar joget, muzik dan ukiran. Masyarakat umum tampaknya tidak melihat budaya itu pada paras yang tinggi. Erti budaya tinggi ialah nilai-nilai yang membentuk negara dan bangsa.

Antara contoh negara-negara yang berjaya memupuk negara bangsa yang hebat adalah seperti Perancis, Britain, Jepun, Korea, Taiwan dan China. Negara-negara ini membudayakan nilai hidup kepada generasi muda sejak alam persekolahan rendah. Antara nilai hidup yang menjadi budaya dan amalan turun temurun mereka adalah seperti amalan menghormati satu sama lain, menjaga kebersihan dan menyayangi alam sekitar.

Contoh - contoh negara yang disebut di atas merupakan antara kuasa besar dan cukup berpengaruh di pentas ekonomi dunia. Negara-negara tersebut juga mampu mengekal nilai negara bangsa agar bergerak seiring dengan pembangunan negara. Korea Selatan sebagai contoh, merupakan kuasa besar baharu ekonomi dunia yang mempunyai nilai budaya yang cukup tinggi dan kukuh menjadi jati diri bangsanya walaupun setelah negara itu mencapai status negara maju dengan perkembangan ekonomi yang pesat.

Sebagai negara Asia yang cukup sinonim dengan budaya tinggi, Jepun dan Korea merupakan contoh terbaik negara yang mempunyai penduduk yang mengamalkan budaya tinggi seperti amalan menghormati, menjaga kebersihan dan menepati masa. Amalan tersebut diangkat martabatnya untuk bergerak sejajar dengan imej budaya klasik negara tersebut seperti busana, muzik dan makanan tradisional. Amalan budaya tinggi ini telah membentuk sahsiah dan jati diri rakyatnya sehingga membawa negara ke tahap kuasa dunia dalam aspek

pengaruh ekonomi. Saiz fizikal kedua-dua negara amat kecil jika dibandingkan kuasa ekonomi dunia lain seperti Amerika Syarikat dan Rusia. Namun begitu amalan budaya tinggi rakyat Jepun dan Korea telah meletakkan perbezaan pencapaian negara tersebut dari kebanyakan negara Asian lain.

Ini menjadi bukti bahawa untuk mencapai taraf negara maju, amalan budaya tinggi mampu menjadi nilai tambah dalam membangunkan negara, sesuai dengan acuan sosio-budaya Malaysia. Budaya bukanlah pemikiran dan amalan lapuk yang semakin dipandang sepi oleh generasi muda Malaysia. Nilai sebenar budaya itu harus disemai dari usia muda agar mereka membesar dengan nilai dan jati diri yang kukuh persis amalan budaya tinggi.

Budaya dan bangsa berpisah tiada. Di mana ada bangsa, di situ wujudnya budaya. Di Malaysia, nilai budaya sebagai pemangkin industri pelancongan negara tidak dapat disangkal lagi. Demi memastikan generasi baharu negara tidak melopong mengejar pencapaian duniawi, maka ilmu dan amalan budaya tinggi harus diterap dari awal usia, bermula di rumah ke institusi pendidikan dan seterusnya melangkah ke alam pekerjaan. Ia merupakan proses pendidikan berterusan yang merentasi sempadan agama, bangsa dan politik. Untuk mencapainya, tuntutan kerjasama semua pihak yang merentasi kementerian dan agensi diperlukan untuk menjulang dan memartabatkan budaya tinggi di Malaysia dan akan muncul sebagai kuasa ekonomi dunia yang baharu, setaraf dengan negara Jepun dan Korea.



CREATIVE & ARTISTIC thinking



1. What is Creativity?

It is a way of looking at problems or situations from a fresh perspective that suggests unorthodox solutions, which may look unsettling at first. Creative thinking can be stimulated both by an unstructured process such as brainstorming, and a structured process such as lateral thinking.

"Creativity is all about generating alternatives"
(Dr Edward de Bono)

2. Why Creativity?

- Develop your potential beyond the boundaries of intelligence
- Rapid growth of competition in business and industry
- Effective use of human resources creativity is a human resource which exists in all organizations
- Discover new and better ways to solve problems
- Development of society
- Building on the nature of knowledge
- Natural human phenomenon

3. Creativity Human

- **An Ability**
 - imagine or invent something new
 - Generate new ideas
- **An Attitude**
 - Accept change, flexibility of outlook, looking for ways to improve it.
- **A Process**
 - Improve ideas and solutions by making gradual alterations and refinement of their works.

4. Creativity Method

Several methods have been identified for producing creative results. Here are the five classic ones:

- **Evolution.** This is the method of incremental improvement. New ideas stem from other ideas, new solutions from previous ones, the new ones slightly improved over the old ones. Many of the very sophisticated things we enjoy today developed through a long period of constant incremental. Making something a little better here, a little better there gradually makes it something a lot better-even entirely different from the original.
- **Synthesis.** With this method, two or more existing ideas are combined into a third, new idea. Combining the ideas of a magazine and an audio tape gives the idea of a magazine you can listen to, one useful for blind

people or freeway commuters.

- The evolutionary method of creativity also reminds us of that critical principle: **Every problem that has been solved can be solved again in a better way.** Creative thinkers do not subscribe to the idea that once a problem has been solved, it can be forgotten, or to the notion that "if it ain't broke, don't fix it." A creative thinker's philosophy is that "there is no such thing as an insignificant improvement."
- **Revolution.** Sometimes the best new idea is a completely different one, a marked change from the previous ones. While an evolutionary improvement philosophy might cause a professor to ask, "How can I make my lectures better and better?" a revolutionary idea might be, "Why not stop lecturing and have the students teach each other, working as teams or presenting reports?"
- **Reapplication.** Look at something old in a new way. Go beyond labels. Not fixated, remove prejudices, expectations and assumptions and discover how something can be reapplied. One creative person might go to the junkyard and see art in an old model T transmission. He paints it up and puts it in his living room. Another creative person might see in the same transmission the necessary gears for a multi-speed hot walker for his horse. He hooks it to some poles and a motor and puts it in his corral. The key is to see beyond the previous or stated applications for some idea, solution, or thing and to see what other application is possible.
- **Changing Direction.** Many creative breakthroughs occur when attention is shifted from one angle of a problem to another. This is sometimes called creative insight.

6. Attitudes That Block Creativity Negative

- Oh no, a problem!
- It can't be done.
- I can't do it. Or there's nothing I can do.
- But I'm not creative.
- That's childish.
- What will people think?
- I might fail.

6. Mental Blocks to Creative Thinking & Problem Solving

Mental blocks are every professional's worst nightmare, yet they inevitably pop up when you work on a big project. You start out bright-eyed and bushy-tailed, making a ton of progress, and then for some reason, you hit a psychological wall and can't move forward. Or else you lose the motivation to continue.

● Try avoiding this:

Prejudice.

Is the behaviour or actions, usually negative, towards an individual or group of people, especially on the basis of sex/race/social class, etc

Functional fixation

Is a cognitive bias that limits a person to using an object only in the way it is traditionally used.

Learned helplessness.

Is the general belief that one is incapable of accomplishing tasks and has little or no control of the environment.

Psychological blocks.

Is similarly a mental block that hinders creativity

● But instead try doing these to surpass Mental Block

1. Free-write.

- When you are feeling stuck, open up a new Word doc, and start writing about whatever is on your mind. This technique is called freewriting, and it is commonly utilized by prose writers to brainstorm new plot points and re-energize thought processes.

2. Tackle smaller tasks first.

- If you feel overwhelmed by how little you have progressed, take a break and work on a few mindless tasks that require little attention or thought and allow the mind to wander. Wash the dishes, organize your bookshelf, sift through unread emails or do laundry. By accomplishing small wins, you develop momentum and confidence to overcome your mental block.

3. Change your environment.

- The cleanliness of your workspace affects your performance and mood at work. Having a neat, organized desk will improve your productivity and focus. On the other hand, a messy space can enhance creativity and help you gain fresh insights. Play around with your home or office environment and discover what works best for you.

4. Learn something new.

- Expose yourself to new ways of thinking by learning something new. Read an article outside of your field, cook a meal that you have never attempted before or follow a how-to guide on juggling. Whatever you choose to engage in, line up new experiences to set your brain on course to think in novel ways.

5. Revisit past experiences.

- Remember a time when you felt happier, more creative

or more inventive. Look at old pictures or listen to music that reminds you of better days and visualize yourself back in those environments. You can harness the positive energy you had back then to push yourself forward and accomplish even more.

6. See what your friends are up to.

- Social media can be a great place for sourcing inspiration, but instead of actively looking for things that will spark your creativity, spend time researching what your acquaintances, family members and friends have been up to. This may give you new ideas on how to approach issues that you are stuck on, or may lead you to connect with folks able to help you move forward.

7. Analyse other people's ideas.

- If you have thought backwards, forwards and all around your mental block to no avail, take to the Internet and research how other people have approached the issues you are trying to solve. Break down what makes their ideas work, gain inspiration from their theories, then slowly create your own ways of doing things or understanding different concepts.

7. Bring yourself to embrace positive attitudes for Creativity

- Being curious
- Challenge and you enjoy doing it.
- Constructive discontent; is living, communicating and leading smarter, faster and happier means you are
- developing constructive discontent.
- A belief that most problems can be solved
- The ability to suspend judgment and criticism.
- Seeing the good in the bad.
- Problems lead to improvements
- A problem can also be a solution and opportunities too, so seek them
- Problems are interesting and emotionally acceptable.

8. To add, nurture these too and you should do well:-

- Perseverance.
- A flexible imagination.
- A belief that mistakes are welcome.

9. Having amassed the right attitude and employing the right creative strategies you would know well that you have landed on the right Creative Solutions when:-

- **The outcome turns out a success**
 - Solve the problem effectively
 - Meets constraint
 - Acceptable to users
- **It has provided efficiency**
 - Good cost (Value for money)
 - Practical
 - Reliable
- **It is New**
 - Original

- Surprising
- Seminal
- **The outcome is coherent**
 - Unified
 - Redefined
 - Aesthetic
 - Important aspect of mental health
 - Growing body of interest
 - Builds on all disciplines
 - Contributes to effective leadership
 - Enhances the process of learning
- **Provocation- As essential part of creative thinking this is necessary to even make better and sustain what you have earlier achieved. Provocation is effective when:**
 - it is fun
 - Can be outrageous or contrary to normal experience but finally works better
 - To jump mind out of its usual track
 - “Run it forward” in your mind and be guided
 - Extract the concept, explore the possibilities and make connections
 - Provides the boost for unusual starting point from which we move forward with the process known as “movement”

10. Creativity - Points to Ponder

- A good cook can make an excellent meals out of few or poor ingredients. Interest is the same sort of skill as cooking. How do you treat the information or experience that you have? How do you put things together?
- A cook knows how to add flavor. In terms of interest flavor takes the form of feelings, emotions, personal experience and relevance.

“So it’s not enough to be healthy, fit and beautiful. Why not have beautiful minds as well??? Your mind is going to be with you till you die.”

QUOTES

“Leadership requires humanity”

“Vision with mission is a dream,,,, Mission without vision is a nightmare.”

“It’s always good to move ahead and progress but don’t forget where you came from.”

“Everybody deserves to be loved.”

**CREATIVE &
ARTISTIC
thinking**





Culture in Malaysia

1. MALAYSIA CULTURE LANDSCAPE

1.1 Malaysia is culturally diverse with a population of over 30 million people, comprising of Malays, Chinese and Indians as well as other ethnicities, each with their unique cultural identities, which makes Malaysia a melting pot of prominent Asian cultures, hence, our unique tagline, "Malaysia, Truly Asia".

1.2 The Malay culture is significant here but equally recognizes that each community is provided with the freedom to pursue its own cultural pursuits and this forms the basis of our overall cultural development of Malaysia.

1.3 Starting from performing arts, handicrafts to archaeological/ historical sites, Malaysia's cultural vibrancy is visible through a number of signature events such as the Citrawarna, Borneo Cultural Festival, Malaysia International Mask Festival and Iftar@KL.

1.4 Vibrant colours and lively rhythms are especially evident in the traditional performing arts of Peninsula Malaysia as well as those of Sabah and Sarawak. Some of these have been in existence for centuries. The Malays in the Peninsula are custodians of a rich variety of dances, such as the Zapin, the Kuda Kepang, the Mak Yong, Manora and the more modern Joget and Ronggeng. The Chinese community has its own Fan Dance and the Indians have their Bharatha Natyam, among others. Some of the longest surviving performance traditions can also be traced back right up to the Orang Asli or indigenous communities spread throughout the Peninsula. Cultural programmes encompassing all these components of Malaysian culture are implemented throughout the year.

1.5 Theatres in the vernacular and English

Languages have also developed considerably and continue to be popular. Throughout the year the Istana Budaya or Palace of Culture is the venue for a rich variety of performances which reflect the opulence of Malaysia's multi-ethnic culture.

1.6 The National Handicraft Development Corporation plays a pivotal role in the development of existing Malaysian crafts in all primary materials such as wood, rattan, metals, and textiles especially batik and songket. It also seeks to maintain and revive traditional craft which is practiced in the Peninsula, Sabah and Sarawak. This includes metalwork (a refined example of Malay craft), ceramics (especially among the indigenous communities of Sabah/Sarawak), embroidery (kelingkan, liman), basketry, plaiting, wickerwork, and weaving and woodcarving of the indigenous people.

1.7 In terms of protection, conservation and preservation of our cultural heritage, to date, we have four sites listed under the UNESCO's World Heritage List, namely the Mount Mulu National Park, cities of Malacca and George Town, and the Lenggong Valley. The listings ensured the preservation and conservation of these heritage sites, including the living cultures.

1.8 Apart from that, Mak Yong, the ancient theatre form from Malaysia has been listed under the Masterpieces of Oral and Intangible Cultural Heritage of Humanity, UNESCO in 2005. Currently, our National Department of Heritage is in the midst of enlisting more tangible and intangible assets for world recognition which also includes the new findings at Sungai Batu, Kedah, the site of "Kedah Tua", dating from 535 BCE.

1.9 One of their most important finds was a ritual worship monument and was

confirmed to be 1,900 years old or 110 AD. This proves the site, now known as Sungai Batu Archaeological Complex, is home to the oldest civilisation in Southeast Asia, hundreds of years older than Borobudur, Indonesia and Angkor Wat, Cambodia. In addition, researchers also found many remnants of furnaces which proved that 'Kedah Tua' during its heydays was the premier metal smelting centre in South East Asia, complete with harbour and commercial facilities.

- 1.10 No effort is spared to ensure that the cultural traditions and heritage of the Malaysian community is not only promoted and practised but also continue to flourish. To this end ASWARA or the National Academy of Arts, Culture and Heritage ensures that all aspects of Malaysia's diverse culture are formally taught to the young to become credible arts practitioners who will perpetuate the country's art heritage.

2. CULTURE FUTURE DEVELOPMENT

- 2.1 Malaysia aspire to be a class leading cultural hub.

National celebrations and campaigns are undertaken yearly to promote Malaysia to world stage, Visit Malaysia Year 2014, Malaysia year of Festival 2015 highlighted Malaysia rich cultural heritage Malaysia. Culture Exchange programme and international strategies are undertaken towards that goal which included:- The Cultural Bridge or Titian Budaya Program and Malaysia Cultural Week to showcase Malaysia's vibrant culture through crafts, arts, dances, fashions, foods and music to international communities.

- 2.2 Culture as an instrument to realizing national unity towards 1 Malaysia Concept

As Malaysian society undergoes changes and transformation due to the increasing effects and influences of globalization, the national culture too continues to evolve in such a manner that it has become our very way of life. By embracing our differences and celebrating our diversity we have found harmony, achieved unity and attained strength. Malaysians are evolving to be more understanding and tolerant to each other culture differences as 1 Malaysia society and has allowed us to live in peace and harmony.

Evident among others, are our open house concept religious ceremonies namely Majlis Rumah Terbuka Malaysia conducted by the National Department

for Culture and Arts (JKKM) and Ministry of Tourism and Culture Malaysia as national events have provided all Malaysians to rejoice major religious celebrations of Hari Raya Aidil Fitri, Chinese New Year, Deepavali and Christmas. It too has attracted many foreign visitors to participate and indulge in Malaysia's unique culture diversity.

- 2.3 Keeping heritage alive and visible to the public

Cultural Heritage resources play a significant role in sustainable cultural, social, economic development of communities. Malaysia is looking forward to develop strategies and initiatives that could foster an effective and transformative change to ensure the sustainability of its natural heritage, tangible and intangible cultural heritage, underwater cultural heritage, treasure trove and other related matters

- 2.4 Culture contribution to the nation economy

i. Creative industries

Malaysia strives to be a high income society by 2020 and has set a direction and target to increase the contribution of the creative industries to the national income of RM25.6 billion with an additional 10,000 jobs opportunity. Culture and the creative industries has been means towards that end. In 2008, overall, the creative industry has contributed RM 9.8 billion to the nation economy and it is further consolidated to drive the nation's five year development plan of the 11th Malaysia Plan for 2016 to 2020.

Malaysia believes that the Creative industries could also be strengthened via international relations, whether bilateral or multilateral, through memorandum of understanding and cooperation network of human capital, infrastructure and products industry. By establishing a special body which will be a one stop centre for the construction and development of creative industries in the future it will further enhance and increase the global revenue especially in the field of creative economy.

ii. Tourism

Culture and the creative industry are also supplementing to boost tourism as a major contributor to the country's socio-economy targeting an average annual growth of 11%. Tourism is one of the economic sectors under the 12 NKRAs (National Key Result Area) to contribute to

that goal. Culture and arts will be deployed to target more international events that showcase Malaysia's culture diversity to visitors to Malaysia.

iii. Commercialization of Crafts

The Malaysian government through its Malaysian Handicraft Development Corporation (MHDC) has taken various initiatives to ensure sustained development of the craft sector. Various actions have been taken for the development of the Malaysian craft industry which included strengthening R & D, Market Access locally and internationally, Craft Preservation and Skills Training on batik, weaving, ceramic, woodcraft, bamboo and metal-based crafts.

3. CENSORSHIP IN EXPRESSION OF ARTS

3.1 Malaysia accommodates the expression of arts to flourish; however as Islam is the country's official religion, certain programs that may be sensitive must be planned and executed with care and diplomacy. Culture programs should be compatible in meeting the principles as guided by the National Culture Policy.

3.2 JK PUSPAL is a committee namely as Central Agencies Committee for Application for Filming and Performance by Foreign Artiste (JK-PUSPAL) was established as represented by several Government agencies responsible for considering applications for filming and performance of foreign artistes in Malaysia. JK-PUSPAL Secretariat Unit is responsible for coordinating and processing all related applications.

4. MALAYSIA'S POSITION IN CULTURAL POLICY OF ASEAN

4.1 Malaysia is a founding member of ASEAN since its formation in 1967 with the signing of the Bangkok Declaration by country representatives from Indonesia, Malaysia, the Philippines, Singapore and Thailand then.

4.2 Malaysia assumed the role of ASEAN Chairmanship for 2015. It is tasked to ensure the objectives of the 3 ASEAN pillars under the purview of the ASEAN Political-Security Community Council, ASEAN Economic Community Council and Socio-Cultural Community Council (ASCC) are met necessary for the progress and evolution of ASEAN and its peoples.

4.3 The ASCC Blueprint centers on human right issues especially pertaining to the enhancement of the wellbeing, livelihood and welfare of the peoples of ASEAN.

4.4 JKKK took the lead to organize the ASEAN COCI flagship, The Festival of ASEAN Cultural Expressions 2015 in Malaysia to reflect the solidarity and the harmonious co-existence amongst ASEAN people rooted in their culture and arts. The Festival too was successful to promote the kaleidoscope of ASEAN cultures and creativity for the amazement of many visitors. The department too led other significant programs to show ASEAN finest talents and creativity by organizing gala nights in conjunction with the ASEAN summits held.

5. MALAYSIA CULTURE IDENTITY AND POTENTIAL TREATS

'Malaysian Identity' is a blend of various elements from different Malaysian cultures, all rolled into one which land the country unique and attractive to the world.

5.1 Potential treats

i. Western influences, i.e. COMANGO issue advocates on the rights of the LGBT minorities. This is clearly against Malaysia way of life and would deteriorate Malaysia profound identity.

ii. The younger generation are adopting more Western way of living into their lives. Few youngsters today do not know to write the Jawi (Arabic alphabet), Chinese and Tamil characters.

iii. Today many young urban Malays are more fluent in the English language than they speak Bahasa Melayu and the same goes for the younger urban Chinese, where many have lost the ability to converse fluently in Chinese dialects like Hokkien or Mandarin. Indians are usually well-known to be the best English speakers and are the least to lose ability to converse in Tamil fluently.

5.2 Safeguarding Malaysia Identity

i. Malaysia is committed to safeguard its national identity, national campaign included "Kempen Budi Bahasa Budaya Kita" to nurture noble values and courtesy among the society;

ii. Permata Programs which included Permata Seni "Jewel of the Arts" is in place not only to help spur artistic talents but greater assimilation and appreciation

for the nation culture among children and teenagers of Malaysia.

- iii. JKKN has embarked on Program Bimbingan Seni Budaya, an arts nurturing program since 2005 to help communities, young and old to have profound appreciation of the Malaysia culture. It also provides means for them to embark on culture and arts as livelihoods.

6. OPPORTUNITY FOR CULTURE DEVELOPMENT PARTNERSHIP AND COOPERATION WITH DEPARTMENTS AND AGENCIES UNDER THE CULTURE SECTOR OF MOTAC.

The Culture Sector of the Ministry of Tourism and Culture Malaysia, MOTAC carries out cultural exchange programs to enhance mutual understanding and cooperation among countries of the world. All the departments and agencies under the purview of MOTAC execute plans, implement program and activities that are multi-cultural and embrace cultural diversity. Among the departments and agencies under MOTAC are as follow:

6.1 The National Culture and Arts Department, JKKN

The National Culture and Arts Department organizes activities throughout the year. The department ensures that these activities cater for all the ethnic groups in Malaysia. A space is always allocated in the programme for cultural groups or culture based NGOs to participate. In addition the department also makes an effort to inculcate the appreciation of cultures of peoples in other countries. The department invites foreign participation in its program such as Kuala Lumpur Music Festival, Malaysian Dance Festival and KL Children Theatre Festival. The upcoming 8th International Federation of Arts Councils and Culture Agencies, (IFACCA) World Summit on Arts and Culture 2019 hosted by JKKN and IFACCA will open doors to international communities and fraternities of the Arts from 70 countries attending the summit in Kuala Lumpur.

6.2 The Malaysian Handicraft Corporation

The Malaysian Handicraft Corporation implements measures and programs for the preservation, sustenance and promotion of cultural products in the form of handicrafts from all ethnic groups in the country. These products are not only showcased and sold in the country but also marketed overseas. A Crafts Day is held annually at the National Handicrafts Corporation featuring handicraft from all the different ethnic communities in the

country. Handicraft products that reflect the diversity of Malaysian culture are displayed and sold to visitors.

6.3 National Arts Gallery

Similarly, the National Arts Gallery also exhibits art works from the various communities in the country. The National Art Collection consists of works purchased from well-known and budding artists in the country regardless of their ethnicity. It is a must for the annual Calendar of Exhibitions at the gallery to include exhibitions by artists from all communities in the country. Each year the NAG ensures that a sufficient number of exhibition slots are allocated for artists from other countries.

6.4 The National Museum

The National Museum of Malaysia displays historical artefacts from all ethnic groups in Malaysia including the indigenous tribes.

6.5 Istana Budaya (Palace of Culture)

The National Theatre or the Palace of Culture in the capital city Kuala Lumpur is also under the purview of MOTAC. The annual calendar of performances at the theatre is a good mix of not only the multi-faceted local culture but also includes cultural performances from all over the world. Istana Budaya has been the occasion for many tourists to visit and witness Malaysia potpourri of arts on stage.

6.6 National Library

The National Library which also comes within the organization of the Ministry has a good collection of books from the Malay, Chinese and Indian communities. The advisory board of the library consists of representatives from the major races in the country. The National Library along with the Librarians Association of Malaysia will represent Malaysia to hosts 2018 World Library and Information Congress which is inviting international bodies to the country.



PROGRAM JANGKAUAN SENI BUDAYA (JSB):

PEMUPUKAN NILAI-NILAI MURNI :

"Serumpun Kasih"

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) selaku agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memelihara dan memartabatkan seni budaya negara telah mewujudkan satu program yang dikenali sebagai Program Jangkauan Seni Dan Budaya (JSB). Program jangka masa panjang ini bermatlamat untuk memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat, khususnya di kawasan luar Bandar.

Selari dengan matlamat utama program JSB, Persatuan Teratak Seni Budaya Malaysia dengan kerjasama JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya melaksanakan Program Pemupukan Nilai-Nilai Murni : "Serumpun Kasih" pada 5 Ogos 2017 bertempat di Dewan Orang Ramai Batu 9, Gombak. Program yang bermula pada 4 Ogos 2017 telah memberi fokus kepada aktiviti gotong-royong membersihkan dewan orang ramai yang melibatkan

anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan & Pendidikan Raudhatul Nur Jannah, kerjasama daripada Gerakan Belia 4B (M) Kawasan Bandar Tun Razak serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Pengarah JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Anak-anak Pertubuhan Kebajikan & Pendidikan Raudhatul Nur Jannah diberi peluang untuk menonjolkan bakat seni dan kemahiran masing-masing dengan mempersembahkan seni mempertahankan diri taekwondo dan persembahan teater muzikal. Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang turut mengadakan demonstrasi mencegah kebakaran.

Program sebegini wajar diteruskan bagi mengetengahkan dan mengangkat nilai-nilai hidup yang murni dan bersifat kemasyarakatan.



TIP-TIP PENJAGAAN

(SEBELUM, SEMASA, SELEPAS)

Musim Banjir

SEBELUM MUSIM BANJIR

- Menyimpan bekalan air dan makanan yang bersih secukupnya.
- Menyimpan dokumen-dokumen penting seperti dokumen pengenalan diri, kewangan, tanah dalam bungkusan plastik yang kedap udara.
- Mengikuti dan memantau pengumuman di radio, tv dan media-media lain mengenai status terkini banjir.
- Mengetahui kedudukan suis utama rumah dan bersedia untuk mematikan bekalan elektrik, air dan gas jika diberi amaran banjir.
- Memastikan bekalan makanan dan minuman mencukupi sepanjang musim banjir. Penyediaan makanan dalam tin adalah penting.

SEMASA MUSIM BANJIR

- Sentiasa minum air yang telah dimasak atau air mineral.
- Makan makanan yang telah dimasak. Elakkan makan makanan yang belum dimasak seperti ulam ulaman.
- Membasuh tangan sebelum dan juga selepas makan. Pastikan keadaan tangan sentiasa bersih dan kering.
- Patuhi nasihat yang diberikan oleh anggota kesihatan dan keselamatan sepanjang berada di pusat pemindahan.
- Menjaga kebersihan sepanjang berada di pusat pemindahan.

SELEPAS MUSIM BANJIR

- Memeriksa kawasan persekitaran rumah, lihat jika terdapat tanda-tanda rekahan atau mendapan pada tanah.
- Sekembalinya ke rumah, perhatikan keadaan siling rumah dan plaster dinding yang mungkin terdapat rekahan, lerai atau jatuh.
- Jangan terus memasuki rumah yang masih terdapat saki baki air banjir.
- Berhati-hati dengan kehadiran binatang berbisa seperti ular dan lipan.
- Semasa proses mengemas rumah/bangunan, pastikan memakai kasut dan juga sarung tangan.
- Sentiasa mendengar pengumuman melalui radio, tunggu arahan daripada pihak yang berkuasa untuk kembali ke rumah sebelum dibenarkan.
- Laporkan sebarang kerosakan kemudahan-kemudahan awam kepada pihak yang berkuasa.
- Sentiasa memantau keadaan kesihatan sekeluarga.

KEGAGALAN

Kegagalan bagaikan tragedi tragis dalam kehidupan. Tiada manusia yang inginkan kegagalan dalam hidup mereka. Kegagalan membawa impak buruk yang pastinya akan menggugat gaya hidup seseorang dan menjadi salah satu punca ke arah tekanan jiwa, obesiti, kemurungan, masalah sosial dan sebagainya. Justeru, ikuti sedikit sebanyak tips bagaimana mengatasi kegagalan.

1. TERIMA KENYATAAN

Berhenti menyalahkan orang lain dan muhasabah diri. Kegagalan sebahagian daripada proses kejayaan. Pejam mata, belajar untuk terima pahitnya kegagalan dan memulakan proses kejayaan baru. Jangan bertangguh kerana lama-kelamaan akan wujudnya sikap negatif dalam diri.

2. KEMBALI KE PETAK PERMULAAN

Kembali ke pangkal, saat di mana semangat sedang berkobar-kobar dulu. Waktu yang jika dipandang ke belakang adalah apabila ketika itu kepala anda sarat dengan idea-idea baru. Tak perlu bersedih, cari semula fikiran dan strategi yang baru. Tindakan ini mampu merangsang untuk mengembalikan semangat baru. Jangan lemau dalam kegagalan.

3. SELALU BERSYUKUR

Bersyukur dan menerima kegagalan dengan berlapang dada. Apabila merasakan kisah hidup anda adalah yang paling teruk kerana suatu kegagalan, maka buang jauh-jauh perasaan itu. Tetapkan dalam minda, anda adalah orang yang beruntung dan bernasib baik dari kalangan mereka yang tidak beruntung yang menerima nasib lebih teruk berbanding anda. Kini, anda punya pengalaman dalam kegagalan. Gunakan pengalaman ini untuk kembali bangkit dan terus maju ke hadapan.

4. DAFTAR KEJAYAAN SENDIRI

"Daftar kejayaan" kecil mahupun besar yang telah dicapai dalam kehidupan. Kejayaan yang pernah anda kecapai adalah sebahagian daripada pencapaian dan kemajuan. Melalui 'daftar kejayaan' tersebut, anda akan dapat mengenalpasti kejayaan-kejayaan yang pernah dicapai, dan sekaligus mendorong anda mencipta kejayaan yang lebih besar.

5. TERIMA PENDAPAT

Duduk, bincang dan huraikan faktor-faktor kegagalan anda. Konsep hidup membuka minda adalah penting untuk mendengar pendapat dan juga menerima buah fikiran daripada orang lain.

Redakan perasaan putus asa, dan bangkit semula dengan semangat serta mental yang lebih kuat berbanding sebelum ini.

6. JANGAN TERKESAN DENGAN KATA-KATA ORANG

Mengabaikan kata-kata negatif daripada orang sekeliling adalah langkah yang terbaik. Pedih dan perit kegagalan hanya anda yang tahu. Bangkit demi diri sendiri. Bukan untuk orang lain.

Jangan biarkan kata-kata negatif itu menjadi kudis dan terus merebak menjadi barah.

7. YAKIN BAHAWA JATUH DAN GAGAL BUKAN PENAMAT

Bayi tidak terus mampu berjalan. Setiap bayi pernah jatuh masa belajar berjalan. Yang membuatkan bayi mampu berjalan sempurna adalah kerana kegigihannya yang tidak berhenti mencuba biar berkali rebah.

Anda ibarat bayi yang baru berjalan, jatuh dan gagal adalah sebahagian dari proses menuju kejayaan. Yang penting bukan berapa kali anda jatuh tetapi seberapa kuat mental anda untuk bangkit.

Manusia dituntut mencari ilmu kerana ilmu itu bersifat benar. Kita digalakkan menyelidik sebab, akibat sesuatu ilmu itu serta makna ilmu untuk mencari kebenarannya.

PERSOALAN MENCARI Kebenaran ILMU

Manusia bertindak berasaskan ilmu yang bercampur prasangka dan sebagainya. Ini kerana tindakan individu atau sesebuah masyarakat banyak dipengaruhi oleh norma-norma dan matlamat sosialnya. Manusia terpengaruh dengan lingkungan tradisi apabila bertindak mencari kebenaran.

Pada dasarnya manusia tidak banyak mempersoalkan dari mana datangnya ilmu, tetapi apa yang ditekankan ialah kesahihan pernyataan tanpa merujuk kepada hubungan ilmu dengan hakiki (inner) ilmu itu sendiri. Maka tafsiran dan kuasa ilmu banyak bercampur dengan prasangka citra sendiri atau bias kepada norma-norma di dalam masyarakat sahaja.

Manusia dituntut mencari ilmu kerana ilmu itu bersifat benar. Kita digalakkan menyelidik sebab, akibat sesuatu ilmu itu serta makna ilmu untuk mencari kebenarannya.

Manusia dipengaruhi oleh norma tradisinya, dan persoalan mencari kebenaran juga turut terpengaruh di dalam rasional untuk memahami ilmu itu sendiri. Sungguhpun manusia mempunyai fakulti dalaman bagi memberi makna, penilaian dan perbezaan di dalam mencari ilmu, tetapi manusia juga adalah al-hayawan al-natig yang menerima sosialisasi daripada masyarakatnya.

Oleh itu persoalan mencari kebenaran bukan sesuatu yang sukar dicapai, tetapi lazimnya manusia mula bertindak berasaskan nilai-nilai yang dimiliki. Tindakan manusia tersebut hanyalah merupakan

tindakan yang bercampur dengan impian, prasangka dan harapan sendiri sahaja. Sewajarnya di dalam persoalan mencari kebenaran ini manusia bertindak berdasarkan sumber dan hukum. Selagi manusia meletakkan persoalan norma-norma di dalam penentuan mencari kebenaran (makna berdasarkan tradisi) maka persoalan bagi mencapai satu tingkat darjat akan lambat tercapai.

Manusia perlu mencari ilmu. Berilmu bererti kita menyedari keperluan, pemikiran dan tindakan kita. Juga dengan ilmu kita mengetahui kehidupan manusia ada aturan sendiri yang harus dipelajari dan difahami. Ini kerana persoalan hubungan manusia dengan Tuhannya, merupakan satu persoalan yang dituntut selain daripada hubungan sesama manusia. Manusia dituntut untuk meningkatkan darjat supaya sifat kekhalfahan dapat dijadikan landasan bagi mencari persoalan yang hak, kerana manusia hanya mampu memahami sedikit sahaja daripada ilmu itu. Di dalam kefahaman, dua persoalan yang tidak dapat dipisahkan iaitu ilmu dan amal yang mendasari hidup muslimin.

Manusia di dalam mencari kebenaran lebih cenderung kepada memberi makna yang tersendiri, yang banyak dipengaruhi oleh kelaziman masyarakat itu sendiri. Tindakan di dalam mencari kebenaran tidak sampai kepada matlamatnya kerana penaksiran manusia itu sendiri lebih dipengaruhi kepada keduniaan. Di dalam hal ini proses memperadabkan kehidupan manusia berilmu ditinggalkan atau diabaikan, sehingga mewujudkan 'devian' kepada proses sosialisasi masyarakat itu sendiri. Apabila persoalan asas diabaikan dan tiada penekanan kepada isian di dalam proses pendidikan, maka ia akan menjadi longgar tanpa ikatan dengan Penciptanya. Situasi ini merupakan suatu yang penuh dengan impian dan harapan yang dicipta sendiri. Maka persoalan mencari kebenaran pasti sekali lebih mewajarkan kepada prasangka sahaja.

Oleh kerana manusia adalah insan yang lemah maka sememangnya persoalan kebenaran adalah perlu diselidiki dan ditelusuri secara emperikal dan bandingan konsensus seadilnya. Manusia dituntut untuk menjalankan kebajikan dan kebaikan di dunia ini kerana sifat kekhalfahan akan mewujudkan kesedaran dan keinsafan bagi menjawab persoalan kebenaran mutlak yang hakiki.

Pujangga Sang Penderita

*Dikatanya hebat dijulangnya bernoktah
Tersimpul malu berirama lagu
Dikurung rapi diikat kemas
Menjadi boria tanpa nyanyiannya*

*Dek kerana sekeping nota
Anak-anak luluh hatinya
Ibunya menjadi seorang bendahara
Berselerak jua beras di tangannya*

*Ombak itu tidaklah besar
Perahu sahaja yang kecil
Pintalah diringankan ujian
Pintalah jua dikuatkan iman*

*Pujangga kini terus menderit
Dikhianati kawan serta lawannya
Hanya doa pengikat bicara
Semoga yang Esa meredhainya*

AKU & ULAR DEDALU

Kisah ular dedalu mengimbau misteri hidup
Tentang kasih sayang
Tentang jatuh dan bangun
Sebuah kenangan yang tidak pernah luput
Pesan ibu kepada anak
Pesan ayah tentang hikayat
Pesan sahabat kepada sahabat
Rupa ular dedalu yang setiap kali aku memburu

Ular dedalu kepala tiada penghujung
Ketika hujan panas badan berwarna pelangi
Setiap kali muncul dikatakan ia membawa emas melata
Tidak boleh disentuh
Hanya melihat dengan kata-kata
Jari tidak boleh ditunding
Kerana ular dedalu sumpahnya di keliling
Pesan ibu carilah dengan mata hati
Kerana ular dedalu terlalu misteri

Setiap munculnya
Aku mengayuh dan berlari mencari penghujung kepala
Secara tidak sedar aku sebenar menjadi pelari
Dan menjadi perindu masa
Kerana setiap kampung yang tua itu

Aku kenal siapa imamnya
Siapa penghulunya
Siapa sahabat yang bermain di padang
Siapa jiran yang sama-sama bersebang
Kerana ular dedalu mengajar aku erti manusia
Manusia yang tinggal di rumah manusia
Sebagaimana kepalanya yang tidak pernah aku ketemu

Aku kenal siapa imamnya
Siapa penghulunya
Siapa sahabat yang bermain di padang
Siapa jiran yang sama-sama bersebang
Kerana ular dedalu mengajar aku erti manusia
Manusia yang tinggal di rumah manusia
Sebagaimana kepalanya yang tidak pernah aku ketemu

Kau tahu setiap ular ada ketuanya
Tidak seperti ular dedalu yang muncul tiba-tiba
Tidak berpasang tapi amat menyenangkan
Tidak berpayung tapi mentari melindungi
Indah dengan warna-warna jiwa
Indah melihat dengan mata
Indah berbicara tentang alam sekitarnya
Kita terdedah pada musim berganti
Masa berlalu dari perjalanan demi perjalanan
Bangkit dan bangun ketika berlari
Mencari di mana emas yang tersembunyi
Sedangkan ular dedalu sukar difahami
Itulah pesan ibu kepada kami...

Ular dedalu setiap bangun pagi
Aku melihat ibu mencari rezeki
Abang-abangku mengejar mimpi
Ayah berkayuh basikal mencari kerja
Dalam belanga emas kami berkongsi apa yang ada

Pernah perayaan kami duduk di rumah
Kerana tiada baju yang hendak dipakai
Tiada makanan yang hendak disaji
Tiada hiasan yang hendak disuai
Kerana itu aku mengejar ular dedalu
Untuk mengubah mimpi yang pergi
Untuk ibu tidak perlu keringat ditumpah
Untuk ayah tidak perlu bimbang perut yang berbunyi

Untuk abang abangku tidak perlu mencari mimpi
Kerana aku dan ular dedalu akan mencari dan terus mencari
Di mana pergi kepala bersalut emas dan harta
Yang tinggal di sebuah kampung kita
Kampung kenangan
Masa demi masa
Aku terus mengingat sejarahnya.....

-September 2017 Khartasis

KEARIFAN TEMPATAN, ILMU YANG *Terlindung*

Memahami kearifan tempatan adalah suatu perkara yang perlu dihubungkan dengan struktur masyarakat, di mana wujudnya sosialisasi yang rapat di antara komuniti yang ada di sesuatu tempat itu. Kearifan merujuk kepada kebolehan bagi memberi pandangan dan merumuskan suatu tindakan bagi sesuatu perkara yang terbit dari dalam struktur sesebuah masyarakat. Hasil pengamatan, ikut pembelajaran dan apa yang penting dihubungkan kait dengan pengetahuan yang diambil dari falsafah ilmu yang dikuasai dari pelbagai sumber yang benar.

Kemahiran pengamatan meliputi empat unsur penjuru alam iaitu unsur Tanah, Air, Api dan Angin. Pengetahuan kearifan tempatan ini boleh memahami secara geografinya mengenai tanah, kandungan mineral, batu-batuan dan sebagainya. Pengetahuan seorang ahli geologi terkemuka dapat memahami secara fizik mengenai empat unsur tersebut dan boleh meramal masa depan seperti akan meletusnya sesebuah peperangan, sehingga ketepatan kejadian bukan lagi menjadi sebuah ramalan. Beliau juga dapat meramalkan akan runtuhnya sebuah lereng bukit atau gunung dengan hanya melihat kepada pusaran awan, kecondongan pokok yang tumbuh di persekitarannya atau laluan kawasan burung yang terbang berhampiran. Segalanya adalah merupakan suatu ukuran yang bukan ramalan sebaliknya adalah suatu pengamatan yang empirikal terhadap kehidupan alam haiwan, tumbuhan dan sebagainya yang boleh dihubungkan kait sebagai tanda-tanda akan berlaku sesuatu kejadian itu.

Inilah yang dimaksudkan dengan ilmu yang terlindung yang perlu difahami oleh masyarakat. Satu lagi contoh mengenai kearifan tempatan ialah bila mana hendak mencari 'Tapak Telaga' untuk menggali sesebuah perigi (Telaga) hanya dengan meletakkan daun keladi hitam di atas tempurung yang berlubang (muka depan sebiji kelapa) di sesuatu tempat yang dicadangkan untuk digali perigi, dalam tempoh satu malam. Sekiranya dibuka atau diangkat daun keladi tersebut pada pagi hari dan terdapat banyak perpeluhan (Bintik-bintik air) di daunnya, di situlah tapak yang paling sesuai untuk digali untuk dijadikan perigi. Nyata kearifan ini adalah berkesan, tanpa perlu menggunakan mesin gerudi atau kemahiran pakar. Inilah kebijaksanaan yang dikuasai oleh orang-orang terdahulu, yang diwarisi sehingga kini.

Diketengahkan contoh lain, iaitu bagaimana untuk membina tandak (Empangan kecil untuk pertanian) iaitu tempat takungan air atau paya yang perlu dialirkan airnya supaya tidak kering sepanjang tahun. Sebelum binaan tandak, pemerhatian tanda aras air di musim kemarau dan paras aras hujan yang lebat perlu diperhatikan. Tanda aras air yang dinamakan pusaran perlu dikenal pasti, berserta habitat semulajadi seperti pergerakan katak, ikan dan hidupan air yang lain. Ikan lazimnya bermain di lubuk pusaran air dan katak bertelur di tempat yang demikian. Labah-labah membuat sarang juga di tempat laluan air yang dalam kerana ianya menjadi tumpuan semua habitat dan itulah tandanya tempat berkenaan tidak kering apabila binaan tandak dibuat kelak. Kearifan ini adalah berubah atau bertambah mengikut lokasi seperti pemerhatian pokok yang tumbuh di sekitarnya. Banir pokok sagu yang akarnya tergantung atau rendah dan sebagainya adalah petanda yang boleh digunakan bagi memahami sesuatu proses arah aliran air yang berkait dengan bidang pertanian ini.

Kearifan ini adalah bagaimana menggunakan kemahiran dari pemerhatian kejadian alam yang terbit dari pengalaman seseorang yang dihubungkan dengan pengetahuan dalam agama dan dari Sirah terdahulu. Tidak semua orang yang akan memiliki kemahiran ni. Mereka yang mempunyai latar belakang pengetahuan yang baik sahaja akan mudah menguasainya. Bidang ilmu berkait kearifan tempatan ini adalah terlalu luas, baik dari bidang ekonomi, pertanian, sosial, masyarakat atau politik.

Ilmu ini telah lama wujud tapi terlindung dan sering kali di salah erti sebagai kiasan, pantang larang atau taboo. Ilmu ini bersifat benar dan boleh dijadikan rujukan bagi mengetahui "sesuatu keputusan" tentang guna tenaga kehidupan manusia. Penulis juga di peringkat awalan meneroka bidang ini dan terbuka kepada semua untuk menyelidik secara lanjut.

Bukankah sesuatu ilmu
yang baik
adalah **BENAR**
bersifat

“INSAN YANG BERMOTIVASI, AKAN MEMASTIKAN PRESTASI KERJANYA SENTIASA BERADA

di tahap tertinggi”

INIKAH ANDA?

Ketika proses temuduga atau sebelum mendapat sesuatu pekerjaan, majoriti insan yang ditemuduga akan menjawab sanggup dan mampu berkorban menerima bebanan yang bakal ditanggung sekiranya mendapat jawatan yang diinginkan.

Namun ramai yang terkandas dan lupa akan janji mereka setelah cita-cita mereka tercapai. 'Janji tinggal janji'. Inikah budaya yang kita perlukan? Bangkit dan tentanglah budaya negatif seumpama ini, jadilah individu yang mengamalkan budaya kerja cemerlang.

Individu cemerlang, tidak sesekali melaksanakan tugas dengan sambil lewa, mengangap kerja itu satu bebanan, membosankan atau menganggapnya tidak berfaedah, tetapi melaksanakan tugasannya dengan bersungguh-sungguh, tidak sekadar 'melepaskan batok di tangga', ibarat 'hangat-hangat tahi ayam, atau tidak sekali-kali meletakkan status dirinya bagai 'melukut di tepi gantang”.

Insan yang bermotivasi, akan memastikan prestasi kerjanya sentiasa berada di tahap tertinggi dan berusaha mencari penyelesaian terhadap semua kesulitan yang dialami.

Kunci kejayaan diri adalah sikap komited individu terhadap kerjaya yang diceburinya dengan menumpukan perhatian dan bersungguh-sungguh dalam setiap tindakan dan perlakuan yang hasilnya menyumbang ke arah kecemerlangan.

Inisiatif adalah daya usaha yang diambil untuk melakukan sesuatu perkara. Individu yang mempunyai sikap inisiatif, akan

melaksanakan tugasannya dengan teliti untuk mengelakkan sebarang kesilapan.

Setiap manusia dikurniakan bakat dan kebolehan tersendiri dalam setiap bidang yang diceburi. Namun untuk menjadi insan cemerlang, biarpun berlainan bidang, etika dalam pekerjaan perlu diberi keutamaan untuk membantu pembangunan dan perkembangan organisasi.

Ketidakseimbangan etika dalam diri seseorang individu itulah yang akan menjadi asbab kepada munculnya gejala-gejala yang tidak bermoral seperti rasuah dan sebagainya. Maka, jadilah individu yang profesional dalam profesion yang berkeupayaan dan cekap dalam melaksanakan sesuatu tugas /pekerjaan /tanggungjawab berdasarkan kepada ilmu dan kepakaran untuk meningkatkan tahap kualiti, produktiviti dan disiplin dalam perkhidmatan.

Prinsip etika dalam diri individu seharusnya dipelajari dan diamalkan untuk melahirkan individu yang beretika tinggi. Usaha melahirkan individu yang seimbang dan harmonis perlu dititikberatkan khususnya untuk mengetengahkan individu yang beretika dalam profesion dengan memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Justeru, bentuklah situasi kerja yang cemerlang dan berusaha mencapai matlamat organisasi dengan jayanya untuk mewujudkan 'Budaya Kerja Cemerlang'.



Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) yang kini dikenali dengan nama “My Seni Budaya” dilaksanakan bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan kegiatan kesenian dan kebudayaan, memulihara dan mengekalkan warisan seni budaya negara, memupuk semangat kerjasama ke arah meningkatkan toleransi, mewujudkan keharmonian serta perpaduan selaras dengan pengukuhan jati diri bangsa Malaysia.

Program My Seni Budaya: Permainan Tradisional Malaysia @ Kepong anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah berlangsung pada 16


dan 17 September 2017 bertempat di Taman Metropolitan, Kepong. Program yang mendapat sambutan penduduk Kepong dan kawasan sekitarnya ini turut mendapat sokongan daripada 36 rakan kerjasama seperti jabatan dan agensi kerajaan; antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Sukan Angkatan Tentera, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan lain-lain. Turut serta dalam menjayakan program ini ialah Persatuan Solidariti Seni Budaya (PSSB) Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Pengisian program My Seni Budaya: Permainan Tradisional Malaysia @ Kepong terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu pertandingan/permainan tradisional, pameran dan jualan serta pertunjukan pentas. Permainan tradisional yang dipertandingkan ialah ‘Sarong Run 2017’, Congkak, Sepak Raga Ratus, Galah Panjang, Tarik Tali, Batu Seremban, Dam Aji, Panjat Tiang Licin, Gusti Lengan, Silambam, Kabaddi, Diabolo dan Menyumpit. Kesemua pertandingan yang dianjurkan ini melibatkan peserta dalam kalangan penduduk tempatan dan rakan-rakan kerjasama daripada 36 jabatan/agensy. Konsep pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan kemeriahannya turut dirasakan semua.

Selain permainan tradisional, turut dipertandingkan ialah pengisian di bawah kategori pertunjukan pentas seperti *Battle of the Band*, *Kepong Idol* dan *Cilik Star*. Para pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan artis undangan seperti kumpulan Ukays, Kumpulan Kesenian JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kumpulan Kesenian (Muzik) JKKN Ibu Pejabat dan Kumpulan Akar Seni.

Aktiviti pameran dan jualan seperti makanan dan minuman, produk kesihatan dan kecantikan serta pakaian, produk-produk hasil kraf tangan seperti mengait, ukiran dan seni rotan menjadi tarikan kepada pengunjung. Turut mendapat perhatian para pengunjung ialah pameran layang-layang tradisi, demonstrasi ‘tating lawi’ dan pembuatan gasing. Lebih unik lagi, masyarakat Orang Asli Bahbola juga turut menyertai pameran dengan mempamerkan peralatan menyumpit, akar-akar kayu dan juga ubat-ubatan masyarakat turun temurun Orang Asli.





PERMAINAN TRADISIONAL MALAYSIA CERONG



Pusat Rujukan Seni Budaya

Berteraskan kepada matlamat jabatan untuk “menjadi pusat rujukan maklumat seni budaya yang unggul sejajar dengan era globalisasi dalam penyediaan sumber, kemudahan dan perkhidmatan maklumat yang berkesan, pusat sumber Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dibangunkan sebagai ruangan yang penting untuk memenuhi keperluan semua kakitangan JKKN dan pengunjung luar. Pusat Sumber Seni Budaya turut boleh dikunjungi di seluruh JKKN Negeri.

JKKN menyediakan ruangan yang cukup santai, dengan mewujudkan suasana ruangan pusat sumber yang ceria, bersih dan kemas sebagai inisiatif jabatan untuk memberikan aura yang positif kepada pengunjung yang menginginkan suasana yang lebih santai dan bersahaja.

Nadi rujukan JKKN ini hanya tertakluk kepada bahan seni budaya serta bahan-bahan rasmi jabatan sahaja tetapi turut mengandungi pelbagai sumber pendidikan dan pembelajaran berkaitan bidang lain dalam bentuk bahan bercetak, bukan cetak dan digital.

Pusat Sumber Seni Budaya diwujudkan bukan sekadar menjadi lubuk pencarian maklumat, malah pengurusan Pusat Sumber Seni Budaya akan memastikan pusat sumber jabatan mempunyai koleksi yang menepati piawaian dan terkini di samping diuruskan secara cekap dan berkesan dalam usaha meningkatkan kualiti penggunaan pusat sumber.

Seiring dengan perkembangan perpustakaan masa kini yang menuju ke arah era digital, pusat sumber JKKN turut mengambil langkah dalam mengimplementasikan sistem perpustakaan (KOHA) bagi menjalankan kerja-kerja perolehan, pengkatalogan, pengkelasan serta perkhidmatan pencarian bahan dalam talian (OPAC). JKKN berazam untuk menjadikan Pusat Sumber Seni Budaya ini menjadi sebuah pusat rujukan ilmiah dalam seni budaya yang unggul dan terbaik yang mempunyai kemudahan fizikal dan infrastruktur yang sesuai dan memenuhi fungsi dan peranannya.



JKKN PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2017 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Ruang santai dan rehat yang disediakan dengan kemudahan television dan juga set sofa #jkkn

JKKN PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2017 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Ruang perbincangan juga turut disediakan dan menjadi pilihan utama pengunjung #jkkn

JKKN PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2017 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Susunan buku-buku yang teratur dan kemas bagi memudahkan pengunjung mencari bahan bacaan dan rujukan #jkkn

JKKN PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2017 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Pengunjung perlu mengisi borang maklumat untuk meminjam buku. Pinjaman akan berjalan selama dua minggu. #jkkn

RUJUKAN PUSAT SUMBER: HUBUNGI

Siti Anisah Abdul Rahman
Jawatan: Penolong Pustakawan
No.Sambungan: 03-2614 8245
Email: sitianisah@jkkn.gov.my

Fauziah Ahmad
Jawatan: Pembantu Perpustakaan
No.Sambungan:03-2614 8259
Email: fauziahahmad@jkkn.gov.my

Majlis Perkahwinan



Aluan pengacara di peringkat awal...

Salam sejahtera dan selamat datang ke majlis resepsi perkahwinan

SALUTASI (1) (JEMPUTAN MASUK KE DEWAN)

Bagi pihak keluarga ingin mengalu-alukan kehadiran kaum keluarga, sanak saudara, sahabat taulan, yang jauh mahupun yang dekat ke majlis resepsi pasangan mempelai

Bak kata pepatah

Yang jauh diundang dengan tepak...
Kini yang diundang sudah tiba
Yang dipesan sudah datang
Ketibaan jemputan yang mulia
Kami sambut dengan tepat

Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tetamu yang sudi hadir dan memeriahkan acara pada hari ini.

SALUTASI (2)

Majlis mengalu-alukan kehadiran para jemputan yang dimuliakan, sudi hadir memeriahkan majlis resepsi pada hari yang serba indah ini.

Batu kecubung warnanya ungu
Ditatah berlian batu bermutu
Adat melayu menyambut tetamu
Hamparkan tikar lebarkan pintu

KETIBAAN / PERARAKAN PENGANTIN

Ke pasar sari membeli udang
Di petang hari memasang pelita
Yang ditunggu sudah lah datang
Yang dinanti sudah pun tiba

BACAAN SALAWAT

PENGANTIN BERJALAN

Dengan penuh kesyukuran kepada Allah yang maha mencipta, yang menjadikan Adam dan Hawa, dengan segala pujian kepada Muhammad S.A.W

*Dalam dulang berisi sagu
Sagu dimakan burung merpati
Jangan bimbang jangan ragu
Hidup baru kini menanti*

*Kedua pengantin menjeling sudah
Senyum terukir, manis keduanya
Ayah beruntung, bonda bertuah,
Dapat menantu baik pekerntinya*

*Dari Raub pergi ke Pontian
Terus pula ke Kuala Perlis
Harap semua berikan perhatian
Mohon kami mulakan majlis.*

PERSEMBAHAN SELAMAT DATANG

*Dari Kulim ke Kuala Kedah
Sarat bermuat buah pala
Perarakan pengantin selesailah sudah
Tibalah masa berhibur pula*

*Tanjung emas sudah ternama
Istana Johor di Kuala Danga
Persembahan istimewa meneruskan acara
Sebagai halwa santapan jiwa*

*Anak cina memasang lukah
Lukah dipasang di tanjung selasih
Pasangan pengantin segak melangkah
Mara menuju mahligai kasih*

Kita raikan pasangan mempelai & sebagai melengkapkan acara bersejarah bagi kedua mempelai.

ALUAN PENGACARA

Alhamduillah.. Bersyukur kepada yang Maha Esa dengan izin dan kurniaNya jua dapat kita meraikan pasangan mempelai raja sehari

Pastinya majlis pada hari ini mendekatkan yang jauh, merapatkan silaturahmi, menghimpunkan kaum keluarga tercinta juga rakan taulan dan sahabat handai.

Bagi yang empunya majlis dengan penuh hormat mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat dan jemputan sekalian yang sudi melapangkan masa dan hadir meraikan majlis walimatul urus pada hari ini.

Semoga dengan kehadiran sekalian yang ada akan mengeratkan silaturahmi antara kita bersama.

BACAAN DOA

*Buah rambai tumbuh di hutan
Di hujung ranting buahnya lebat
Mari beramai kita mendoakan
Agar mempelai mendapat berkat*

*Mawar merah harum mewangi
Jambangan digubah berseri-seri
Doa restu kami iringi
Baik berpakat suami isteri*

Dipersilakan untuk memimpin bacaan doa..... dipersilakan...

Terima kasih dan didoakan agar istana dibina pasangan mempelai diberkati dan dikurniakan sebaik-baik rezeki hingga ke akhir hayat...

ACARA MEMOTONG KEK PERKAHWINAN

*Doa berkat penutupnya amin,
Jari lentik memukul gendang,
Mempelai berangkat ke atas pelamin,
Sama cantik bila dipandang*

*Pokok pulai tidak berduri,
Dibuat bumbung luas melebar,
Dua mempelai berseri-seri
Dua jantung berdebar-debar*

Dipersilakan pasangan mempelai untuk menyempurnakan acara kemuncak, hadiah perkahwinan daripada keluarga tercinta buat pasangan mempelai pengantin.

SELESAI ACARA MEMOTONG KEK PERKAHWINAN

Terima kasih dan mohon pasangan pengantin kembali kepada pelamin untuk ke acara yang seterusnya.

SALAM RESTU PENGANTIN / MERENJIS

ACARA MEMBERKATI PENGANTIN

Dengan Bismillah kami mulai,
Tepung tawar si tepung jati
Dengan takdir Illahi Rabbi
Minta berkat dua sejoli.

Dipersilakan kaum keluarga tersayang tampil ke pentas untuk merakamkan detik bersejarah dengan restu dan perkenan, buat pasangan mempelai agar istana dibina kekal hingga ke akhir hayat...

Sudah bersarang burung tempua
Sarangnya jauh tidaklah dekat
Dahulu seorang sekarang berdua
Baik-baik duduk berpakat

Ayam dara dibuat gulai
Bungkus bekalan letak di bucu
Riang gembira kedua mempelai
Semoga berkekalan sehingga ke anak cucu

Dalam gelap durian gugur
Dikumpul dapat berpikul-pikul
Kalau tersilap boleh ditegur
Jangan pula dipukul-pukul

Ikan todak si ikan pari
Ikan linang di dalam peti
Adapun adat bersuami isteri
Senang dan susah sampai ke mati

Terima kasih kepada tetamu dan ahli keluarga tercinta yang telah menyempurnakan acara salam restu sebentar tadi. Dijemput para jemputan untuk menikmati juadah yang telah disediakan.

*Ikan di laut asam di darat
Dalam kualiti bertemu jua
Hati terpaut janji diikat
Atas pelamin bertemu jua*

Dipersilakan pasangan pengantin memotong kek perkahwinan sebagai simbol penyatuan dua hati menjadi satu jiwa, yang bakal melayari bahtera rumah tangga sehingga ke akhir hayat.
Orang jauh dikenang-kenang
Hanya terkenal pada yang satu
Mula berkawan kemudian bertunang
Akad dilaksana sama bersatu

JEMPUT PENGANTIN KE MEJA SANTAPAN BERADAP

Meneruskan acara gilang-gemilang,
majlis menjemput pasangan mempelai
..... beriringan berjalan ke meja
santapan beradap.

*Turunlah mempelai dua sejoli
Melangkah dengan berhati-hati
Jari berkait tautan hati
Seia sekata kasih termatri*

*Putih, emas dan juga kuning
Jadi hiasan dewan mahkota
Jalan bersama ganding seiring
Moga tak luntur mahkota cinta*

[TUNGGU SEHINGGA PENGANTIN DUDUK DI MEJA BERADAP]

MAKAN BERADAP

Mengamin sudah, memohon pun sudah
Menjamah juadah yang belum lagi ...

*Rendang kambing memanglah sedap
Ketupat palas jual di pekan
Duduk pengantin makan beradap
Suap berbalas makan sepinggan*

Majlis dengan segala hormatnya menjemput dan mempersilakan pasangan mempelai, dif-dif kehormat serta tetamu-tetamu yang hadir untuk memulakan sentuhan sutera menikmati juadah yang disediakan.

Semoga bertaut rasa kekeluargaan yang lebih akrab dalam kita meraikan pasangan mempelai di hari bahagia.

JAMUAN MAKAN

Sambil menikmati hidangan yang disediakan, hadirin sekalian akan dihiburkan dengan persembahan nyanyian serta persembahan tarian.

(Persembahan)

[TAMAT ACARA MAKAN BERADAP]

*Duduk sekawan gadis jelita,
Buat santapan untuk pahlawan
Tampillah tuan rumah kami meminta
Madah ucapan kata aluan*

*Senyumannya lebar hingga ke telinga
Meskipun berat melepaskan pergi
Berucap ayahanda kepada anakanda berdua
Pesanan azimat pembekal diri*

Dipersilakan mewakili keluarga pengantin untuk tampil bagi mengungkapkan rasa buat pasangan mempelai dan juga yang ada.

SELESAI UCAPAN

Ucapan aluan bergema sudah
Ungkapan kata berbahasa indah
Maksud dan tujuan sudah terserlah
Melenyapkan pertanyaan hati nan gundah
Terima kasih buat yang telah menyampaikan ucapan bagi pihak keluarga dan pengantin.

PENGANTIN & KELUARGA BERSALAMAN DENGAN TETAMU / BERGAMBAR

Dipersilakan pasangan pengantin serta ayahanda dan bonda bergerak ke pintu utama, bertemu sua dan merakamkan ucapan terima kasih kepada sekalian yang hadir.

BERHENTI SEKETIKA

Bagi pihak yang empunya majlis dan seisi keluarga serta jawatankuasa merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada tetamu yang sudi melapangkan masa meraikan majlis resepsi pada hari ini.

Andai ada kekurangan sepanjang acara majlis, kami daripada pihak empunya majlis memohon berbanyak ampun dan maaf.

*Bukan lebah sebarang lebah
Lebah bersarang di pohon buluh
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah bersusun jari sepuluh*

*Tanam serai berumpun-rumpun
Disiram air setiap hari
Lemah gemalai hayun tersusun
Maklumlah dipanggil raja sehari*

POSISI DUDUK DALAM


Tari

Istilah posisi duduk tari yang terdapat dalam tarian tradisional Malaysia.



DUDUK SIMPUH KATAK

Posisi badan tegak. Kedua tangan berada di kedua-dua paha. Punggung di atas lantai. Kedua telapak kaki dibuka. Lutut cecah ke lantai. Kedua-dua tangan di atas paha.




DUDUK DUA TUMIT

Posisi duduk di atas tumit kaki kanan dan kiri. Kedua-dua lutut dirapatkan dan cecah ke lantai. Kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK TIMPUH KANAN

Posisi duduk punggung kiri di atas lantai. Lutut kiri cecah ke lantai dan lutut kanan simpuh di sebelah lutut kiri. Manakala kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK REGANG KAKI

Posisi duduk di atas kedua-dua telapak kaki yang dibuka sedikit. Kedua-dua lutut cecah ke lantai. Kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK TIMPUH KIRI

Posisi duduk punggung kanan di atas lantai. Lutut kanan cecah ke lantai dan lutut kiri simpuh di sebelah lutut kanan. Manakala kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK MELUTUT

Posisi duduk di atas kedua-dua tumit. Kedua-dua lutut cecah ke lantai. Kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK TUMIT BERDIRI LUTUT (POSISI KETIP BELALANG)

Posisi duduk di atas tumit kaki kiri. Lutut kiri cecah ke lantai. Manakala posisi kaki kanan di sebelah lutut kiri. Kedua-dua tangan di atas paha.




DUDUK TUMIT SEBELAH

Posisi duduk di atas tumit kaki kanan dan kiri. Kedua-dua lutut dirapatkan dan cecah ke lantai. Kedua-dua tangan di atas telapak kaki kiri. Lutut kiri cecah ke lantai. Manakala posisi kaki kanan di sebelah lutut kiri atas paha.



DUDUK BERTINGGUNG

Posisi duduk di atas tumit kedua-dua kaki kanan dan kiri. Kedua-dua lutut dibuka ke sudut 45°. Manakala posisi kaki kanan di sebelah lutut kiri. Kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK SILA (A)

Posisi duduk bersila. Kaki kanan di depan kaki kiri. Kedua-dua tangan di atas paha.



DUDUK SILA (B)

Posisi duduk bersila. Kaki kiri di depan kaki kanan. Kedua-dua tangan di atas paha.

SIRI PENYELIDIKAN

Rodat

Kajian asal oleh :
Awang Abdullah @ Pui Tiong Gee
Zaini Bin Kussin
Kajian Seni Tari Rodat (2010)
(Kumpulan Rodat Surau Panjang,
Kuala Terengganu)

Rodat merupakan salah satu simbol seni budaya warisan yang terkenal di Terengganu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, rodan bermaksud sejenis tarian yang ditarikan oleh lelaki dan perempuan yang nyanyiannya (Arab) diiringi bersama rebana. Manakala Hasan Hamzah (Kamus Melayu Global, 1997) mendefinisikan rodan sebagai nyanyian yang memerlukan tarian oleh lelaki dan wanita serta dinyanyikan bersama pukulan rebana. Istilah 'rodan' dalam bahasa Arab pula mempunyai pelbagai bentuk kata dan makna. Kata 'raddun' misalnya membawa maksud berulang-alik, bersahut-sahutan, bersatu kembali atau juga berbalas-balas.



Pada awalnya rodan dahulu merujuk kepada persembahan nyanyian dan tarian beramai-ramai dan lagu-lagu dinyanyikan berunsurkan Islam dipetik daripada kitab sastra berbahasa Arab yang dikenali sebagai Hadrah. Persembahan tarian dan nyanyian lagu-lagu digubah berdasarkan syair-syair Arab daripada sebuah kitab Hadrah yang juga menyelitkan nyanyian pelbagai lagu menggunakan pantun-pantun tradisional. Semua penyanyi dan penari adalah lelaki kerana penyertaan perempuan dianggap tidak sesuai dalam suatu persembahan kesenian Islam.

Asasnya, sesebuah kumpulan rodan dipimpin oleh seorang ketua yang dipanggil Tok Guru Rodan, dan

dianggotai oleh dua kumpulan lelaki iaitu sekumpulan penyanyi dan penepuk rebana atau 'tar' rodan dan mereka dipanggil pengadi. Manakala sekumpulan lagi berperanan sebagai penyanyi latar dan penari yang digelar pelenggok atau anak dayong atau awak dayong. Lirik lagu rodan berunsurkan nasihat yang menyuruh khalayak berbuat baik dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh agama Islam. Begitu juga lagu dan irama rodan umumnya diambil daripada lagu-lagu taranum seperti ras, bayyati dan lain-lain lagi. Manakala iringan muzik rodan menggunakan alat muzik paluan seperti rebana. Tarian rodan yang asal dipersembahkan oleh penari lelaki dengan pergerakan asas seperti gerak tangan dan kaki yang tidak melampau, mengasyikkan atau boleh menimbulkan kehairahan penonton.

Dalam tradisi masyarakat Terengganu, rodan dipersembahkan dalam majlis-majlis sambutan seperti sambutan Maulidur Rasul, perkahwinan, lenggang perut, cukur kepala, berkhitan dan bertindik. Selain itu, rodan juga dipersembahkan oleh penduduk kampung sebagai tradisi dan tanda kesyukuran limpahan rezeki hasil tanaman padi selepas musim menuai.



Seiring dengan perubahan semasa, rodan juga turut mengalami perubahan apabila setiap persembahan pada masa kini yang disertai oleh sekumpulan penyanyi dan penari wanita yang dipanggil Mak Inang. Walaupun persembahan rodan masih mengekalkan nyanyian pengadi dan tarian pelenggok (lelaki), ia juga diselitkan dengan nyanyian berdasarkan pantun-pantun Melayu oleh Mak Inang. Perubahan ini juga amat ketara apabila tarian oleh Mak Inang juga bukan dari gerak asal rodan tetapi terdapat unsur-unsur tarian inang.

Panggung Seni Tradisional 2017



Panggung Seni Tradisional 2017 (PST2017) merupakan kesinambungan program Panggung Seni Tradisional 2013 hingga 2016 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melalui Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Dalam tempoh empat (4) tahun penganjurannya, PST telah mementaskan 25 kesenian tradisional yang merangkumi tiga (3) genre iaitu tari, muzik dan teater, melibatkan 50 kumpulan kesenian dan 1,016 orang peserta. Secara terperinci, JKKN telah mengangkat enam (6) genre kesenian pada tahun 2013, lapan (8) pada tahun 2014, tujuh (7) pada tahun 2015 dan empat (4) pada tahun 2016. PST2017 menampilkan empat (4) genre kesenian iaitu Opera Cina (Kantonis), Koleksi Tari Klasik India, Teater Tradisional Jikey dan Koleksi Tari Serumpun.

Pembuka tirai PST2017 ialah Opera Cina (Kantonis) pada 28 & 29 Julai 2017 yang menampilkan kumpulan The Sound of Tai Hei dan dianggotai seramai 15 orang peserta. Kumpulan yang beroperasi di Tropicana Golf & Country Resort, Damansara ini menampilkan 3 kisah (cerita pendek) iaitu The Wedding Night, The Banquet dan The Fairy Tales Love Story. Persembahan dua (2) malam ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada penonton malah kehadiran tetamu-tetamu VIP seperti YABhg Toh Puan Ena Ling, YBhg Puan Sri Datin Lam Meng Chan, YBhg Puan Sri Ivy Tan dan ramai lagi turut menyuntik semangat seluruh tenaga produksi.

Seterusnya, PST2017 menampilkan pula kumpulan TFA Inner Space Dance Company (TFA IDC) bagi mengisi slot persembahan Koleksi Tari Klasik India pada 25 & 26 Ogos 2017. Kumpulan ini merupakan sayap atau unit persembahan bagi Temple of Fine Arts, Malaysia; sebuah organisasi bukan kerajaan yang begitu aktif dalam seni persembahan India. TFA IDC dianggotai seramai enam (6) orang penari utama yang dipimpin oleh Encik Umesh Shetty sebagai Pengarah Artistik, beliau juga merupakan salah seorang pengarah di Temple of Fine Arts, Malaysia dan Pensyarah Tari di Akademi Seni Budaya

dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Repertoir persembahan menggabungkan tiga (3) genre tari klasik India seperti Bharatanatyam, Kathak dan Odissi dengan penampilan khas daripada penari professional kumpulan ini iaitu Encik Mohammad Khairi Mokhtar dan Cik Ng Xinying.

27 & 28 Oktober 2017, tirai dibuka dengan persembahan Teater Tradisional Jikey oleh kumpulan Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB Kedah) di bawah bimbingan pengarah teater terkenal Encik Saipol Bahari Mohd Iman dengan cerita bertajuk 'Naga Berapi'. Manakala 17 & 18 November 2017 merupakan persembahan terakhir pengisian program Panggung Seni Tradisional dengan persembahan Koleksi Tari Serumpun; yang menampilkan kumpulan daripada Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Fakulti Tari, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor (Pe-Zapin) yang diselaraskan oleh Nusantara Performing Arts Research Centre (NUSPARC).

Pelaksanaan PST2017 mendapat kerjasama Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) dan dipentaskan di Dewan Tunku Abdul Rahman pada pukul 8.45 malam secara berkala seperti yang dijadualkan. Untuk

menyaksikan persembahan PST2017, para peminat seni budaya tanah air terutamanya warga Kuala Lumpur bolehlah membeli tiket-tiket berharga RM20 (Biasa) dan RM50 (VIP) dengan menghubungi talian 03-2614 8200 samb.8214/8260 atau 03-9235 4800/4900 untuk tempahan. Potongan harga sebanyak 50% bagi tiket RM20 (Biasa) diberikan kepada para pelajar, warga emas dan OKU.

Takukakah Anda?

Objektif pelaksanaan program Panggung Seni Tradisional

- Menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan kesenian tradisional.
- Menjadikan kesenian tradisional sebagai salah satu produk pelancongan.
- Memberi peluang kepada warga Kuala Lumpur dan peminat kesenian tradisional terutama para pelancong untuk menyaksikan kesenian ini dengan lebih dekat.
- Pemuliharaan dan pengekaln seni tradisional yang semakin pupus dan tiada pelapis.
- Mengangkat dan memartabatkan kesenian tradisional ke taraf kecemerlangan.
- Meningkatkan penghayatan dan kecintaan terhadap kesenian tradisional.



FESTIVAL TEATER PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

8-17 September 2017, berlangsung Festival Teater Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Persekutuan Jabatan Perdana Menteri, Pulau Pinang serta Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara. Johan Festival Teater Negeri akan dipilih untuk mewakili Negeri Pulau Pinang dalam pertandingan Festival Teater Malaysia peringkat Kebangsaan pada tahun 2018. Festival ini turut berperanan untuk mencungkil bakat-bakat baru dan memartabatkan industri teater ke arah yang lebih tinggi. Sebanyak sembilan (9) buah kumpulan telah menyertai pertandingan teater ini iaitu Kumpulan Bakawalee Penang dengan pentas yang mengangkat naskah teater Munchausen melalui Proksi, Gasewap dengan Tamu Dari Medan Perang, Kelab Teater Pembayu IPG dengan teater Satu, Kumpulan Tomato dengan pentas Kelab Kelahi, Mutiara Riki Universal dengan naskah Aku Bukan Gila, Penang Opera dengan mementaskan Dikir Dari Rimba, Kumpulan Produksi Karya Uitm dengan menampilkan naskah Zulaikha serta Sireh Production dengan karyanya Siapa Mat Suri.

Malam gala Festival Teater Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 17 September 2017 bagi mengumumkan pemenang-pemenang pertandingan. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yusuff Latif, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) telah menyampaikan

hadiah bagi pemenang-pemenang Festival Teater 2017. Kumpulan Produksi Karya Uitm telah menjadi johan melalui naskah Zulaikha sekaligus merangkul tiga lagi trofi iaitu Pelakon Wanita Terbaik, Sinografi Terbaik dan Pengarah Terbaik.

Manakala, naib johan pula telah dimenangi oleh Kumpulan dari Penang Opera iaitu Dikir dari Rimba serta tempat ketiga pula diungguli oleh Kumpulan Gasewap iaitu dengan naskah Tamu dari Medan Perang. Kumpulan Penang Opera juga telah memenangi trofi Pelakon Lelaki Terbaik dan Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik. Kumpulan Bakawalee juga tidak ketinggalan dengan turut merangkul satu trofi iaitu dengan memenangi Pelakon Pembantu Wanita Terbaik melalui watak Melati yang dilakonkan oleh Nur Fienna Natasha binti Rafizi.

Sepanjang tempoh sembilan (9) hari pentas, Auditorium P.Ramlee telah mencatatkan jumlah pengunjung sebanyak 2277 iaitu secara puratanya dengan catatan di antara 200 hingga 250 pengunjung setiap malam. Festival teater 2017 ini juga turut menyaksikan generasi belia yang turut mengambil bahagian menyertai pertandingan ini dan membuktikan bahawa industri teater masih mempunyai pelapis yang berbakat besar untuk mewarnai industri teater di Pulau Pinang.

APA YANG ADA PADA JENAMA?

Jenama adalah identiti sesuatu produk, perkhidmatan atau perniagaan tertentu.

Jenama A boleh mengambil beberapa bentuk, termasuk nama, istilah, tanda, simbol, kombinasi warna atau jenama slogan. A adalah berterusan, identiti perniagaan yang unik saling berkaitan dengan kesatuan personaliti, kualiti, asal-usul, suka dan banyak lagi.

Penjenamaan adalah proses mencipta dan membangkitkan persepsi, pengalaman tersendiri dan berkekalan dalam minda khalayak. Penjenamaan terdiri daripada elemen berikut:-

- Satu identiti jenama jelas.
- Budaya jenama yang kuat.
- Satu pengalaman jenama yang bermakna.
- Menyampaikan nilai emosi.
- Membina hubungan berharga.

Pentingkah jenama dalam perniagaan sehingga terdapat syarikat yang melabur jutaan ringgit untuk memperkembangkan jenama produk mereka?

Penjenamaan (*branding*) di dalam kamus Oxford bermaksud pemberian nama atau imej ke atas barangan atau perkhidmatan supaya menarik pelanggan (khalayak). Jenama adalah penambah nilai sesuatu produk, syarikat, barangan mahupun pada diri kita sendiri. Dengan adanya jenama, maka sesuatu produk itu akan menjadi lebih bernilai. Sebesar atau sekecil mana pun syarikat atau produk itu, jenama akan mewujudkan nilai, malah berperanan menentukan barangan tersebut laris di pasaran.

Penjenamaan dapat meningkatkan pencapaian dalam skala ekonomi (pengeluaran dan pendedaran / tawaran perkhidmatan) dengan peningkatan dalam permintaan produk yang dijenamakan:-

- Mengurangkan kos pemasaran dan pengiklanan.
- Menetapkan asas untuk pengembangan pasaran masa depan (domestik dan global).
- Menggalakkan kepelbagaian produk dan kesetiaan khalayak.

Jenama adalah sesuatu perkataan atau simbol yang menghubungkan minda dengan syarikat

atau produk serta perkhidmatan. Apabila membangunkan sesuatu jenama, pegawai pemasaran akan menghubungkan apa yang dimahukan oleh pelanggan dengan produk syarikat. Jenama akan mencipta satu persepsi di mana sesuatu produk tersebut mempunyai kualiti yang menjadikannya unik, istimewa serta berperanan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelanggan. Dalam era persaingan moden, jenama dilihat sebagai satu alat yang penting dalam pemasaran sesebuah produk dan perkhidmatan dan merupakan cara paling efektif dalam menguasai khalayak kerana ia akan membantu membentuk identiti syarikat atau sesebuah organisasi.

Khalayak pada hari ini lebih mementingkan kualiti daripada harga yang perlu dibayar. Hal ini berlaku kerana mereka sedar akan pemilihan jenama yang berkualiti selaras dengan peningkatan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk untuk kesinambungan persaingan dan memastikan kesetiaan pelanggan.

Peranan penjenamaan boleh diaplikasikan dalam pelbagai aspek yang fungsinya tetap sama jika diletakkan dalam konteks organisasi.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mewujudkan jenamanya yang tersendiri iaitu JKKN yang secara umumnya dikenali di sektor awam dan swasta, berkaitan fungsi serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKKN melalui aktiviti, bantuan, khidmat nasihat dan sokongan yang mempunyai rantaian seni budaya.

JKKN
 JABATAN KEBUDAYAAN
 & KESENIAN NEGARA
 جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا

Penghasilan penjenamaan JKKN ini melibatkan satu proses yang panjang untuk melihat penyusunan strategi serta merujuk kepada keadaan semasa.

Penjenamaan JKKK jelas dilihat dalam bentuk nama, logo dan slogan melalui pengukuhan aspek promosi, hubungan awam dan pemain industri serta kualiti produk atau perkhidmatan yang dihasilkan.

Dalam menghasilkan jenama, JKKK melihat dari pelbagai sudut seperti penambahbaikan visi, misi, dan teras yang akan menjadi sokongan sebuah penjenamaan. Peranan bahagian serta cawangan di bawah JKKK adalah penting dalam melaksanakan peranan serta aktiviti mengikut teras baru JKKK yang ditetapkan:-

- Asuhan Seni dan Budaya
- Pemuliharaan Seni dan Budaya
- Jangkauan Seni dan Budaya
- Pengukuhan Seni dan Budaya
- Jaringan Kerjasama Kebudayaan

Jabatan kerajaan merupakan agensi penting untuk wujud dan memperkukuhkan jenama jabatan kerana kelihatan lebih dekat dengan masyarakat. Penjenamaan yang jelas, akan memudahkan penyaluran perkhidmatan terbaik. Tujuan memperkukuhkan penjenamaan sesuatu organisasi adalah untuk :

- Mewujudkan perbezaan dalam menghadapi persaingan yang semakin meningkat.
- Penjenamaan adalah aset strategik dan boleh memberi pulangan dari segi kuasa dan jangsan kewangan.
- Mewujud, mengurus persepsi serta membantu mengawal isu-isu tertentu muncul di peringkat kebangsaan.
- Perkhidmatan Awam merupakan 'barisan hadapan' dalam menangani permasalahan masyarakat Malaysia.
Perkhidmatan Awam yang sangat cekap boleh menjadi asas penjenamaan untuk membentuk identiti dan imej negara.
- Peraturan dan diplomasi awam mempengaruhi imej negara lebih daripada promosi perdagangan dan industri, walaupun semuanya penting.

Secara amnya, jenama dalam sesebuah syarikat atau organisasi di sektor swasta atau awam boleh dibentuk melalui pendekatan imej organisasi, imej individu terlibat dan juga penghasilan produk yang berkualiti secara berterusan dalam membangun dan memperkukuhkan penjenamaan organisasi.



INFO PESARA

APA YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA TERDAPAT AHLI KELUARGA ATAU KENALAN YANG MERUPAKAN SEORANG PESARA KERAJAAN MENINGGAL DUNIA?

Apabila berlaku kematian pesara, balu/duda/anak yang layak hendaklah memohon pencen terbitan dengan mengemukakan borang-borang dan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i) **Borang JPA.BP.SPT.B01d** – Permohonan faedah terbitan bagi kematian dalam persaraan berserta sisipan surat akaun balu/duda yang sah (Borang JPA.BP.SPT.B01E Pin 2007) dan berserta satu (1) salinan dokumen-dokumen berikut:
 - a. **Sijil kematian pesara;**
 - b. **Sijil perkahwinan/pendaftaran perkahwinan;**
 - c. **Kad pengenalan balu / duda;**
 - d. **Sijil kelahiran dan kad pengenalan anak-anak yang berumur di bawah 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat (jika berkenaan); dan**
 - e. **Sijil pengangkatan atau surat pengambilan dan pengesahan anak angkat (jika berkenaan).**
- ii) Borang JPA.BP.SPT.B06 Pin 2007 – Maklumat akaun bank pemohon dan disertakan salinan muka surat buku bank.
- iii) Penyata akaun semasa yang menunjukkan butir-butir pemilik dan nombor akaun bank.
- iv) Borang JPA.BP.UMUM.BMJ – Permohonan bantuan mengurus jenazah (RM3,000) : Bagi kes Pesara yang meninggal dunia sahaja. Sekiranya pasangan pesara yang bukan berstatus pesara yang meninggal dunia, waris tidak layak memohonnya.
- v) Borang JPA.BP.SPT.BO3a - Pengesahan anak belajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (jika berkenaan).
- vi) Kad Pesara yang asal.
- vii) Borang JPA.BP.SKP.B08 (pinda)– Permohonan Perlantikan Wakil Skim A berserta satu (1) salinan kad pengenalan wakil. Wakil skim A boleh dilantik di kalangan warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas. Tugas utama wakil Skim A ini adalah memaklumkan kepada pihak JPA sekiranya pesara/penerima pencen meninggal dunia.



JKKN-JPK

TITIK TOLAK KEPADA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Memenuhi kehendak negara bagi menghasilkan pekerja mahir yang berkualiti tinggi merupakan tuntutan yang perlu dipenuhi. Negara berdepan dengan dua situasi bagi merealisasikan hasrat negara sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 iaitu meningkatkan jumlah statistik pekerja mahir dan memastikan kualitinya. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan peningkatan jumlah pekerja mahir yang berkualiti dan komited.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam pembangunan modal insan yang berkualiti. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.

Kerajaan telah memberi kemudahan kepada pekerja mahir tanpa latihan secara formal yang tidak mempunyai kelayakan pensijilan dengan memberikan mereka pentauliah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Merujuk laman sesawang Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mengatakan tujuan pentauliah SKM yang dilaksanakan adalah bagi mengiktiraf ketrampilan yang dimiliki oleh pekerja mahir termasuklah dari segi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperolehi sewaktu bekerja. Langkah ini secara tidak

langsung telah membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk sentiasa menambah ilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) turut tidak ketinggalan dalam membantu memberikan pengiktirafan kepada tenaga-tenaga yang mempunyai kepakaran dalam bidang seni budaya namun tidak mempunyai latihan dan pengiktirafan secara formal.

25 Julai 2017 JKKN dan JPK telah menandatangani memorandum kerjasama dalam pelaksanaan program Pembangunan Modal Insan khususnya berkaitan bidang seni budaya.

Antara persepikatan yang diwujudkan melalui kerjasama tersebut ialah:

1. Melaksanakan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam bidang Seni Budaya melalui pentauliah pusat latihan kemahiran sama ada melalui sistem latihan dual nasional atau pusat bertauliah;
2. Membantu JKKN menjadi badan peneraju industri bagi bidang Seni Budaya;
3. Menerapkan Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam struktur peningkatan dan pembangunan kerjaya penggiat seni dan kakitangan JKKN di seluruh Malaysia;

4. Mengiktiraf penggiat seni dan kakitangan JKKN di seluruh Malaysia melalui pengiktirafan pencapaian terdahulu (PPT);
5. Menyumbangkan kepakaran dalam pembangunan dan kajian semula *National Occupational Skills Standard (NOSS)* dalam bidang seni budaya;
6. Perkongsian tenaga pakar dengan pendaftaran pekerja mahir bidang seni budaya dalam 'Direktori Pakar Industri Negara' tertakluk syarat dan peraturan semasa; dan
7. Mempromosi Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam bidang kemahiran dan sektor kesenian dan kebudayaan.

JKKN sebagai penaung seni budaya berhasrat untuk membantu memberikan pengiktirafan kepada pakar-pakar bidang seni budaya yang memberikan sumbangan terbesar dalam membangunkan Industri Kreatif Tanah Air melalui SKM. Majoriti penggiat seni budaya di negara ini mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing yang diperolehi melalui pengalaman namun tidak mempunyai sijil atau pengiktirafan rasmi yang memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan dan pengukuran gaji atau bayaran perkhidmatan yang setimpal dengan kemahiran yang mereka ada.

Pelbagai pelan telah dirancang untuk membangunkan program-program yang dapat membantu memberikan pengiktirafan kepada penggiat seni budaya dan diharap ianya akan mempertingkatkan kepercayaan para pemain industri terhadap kemampuan JKKN selaku penaung seni budaya.

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبو دايان دان كسنيان نكارا



SERLAHAN SENI & BUDAYA ARTS & CULTURE HIGHLIGHTS

JKKN 2017

JABATAN KEBUDAYAAN & KEMUNDIRIAN NEGARA
Jabatan Kebudayaan و كيمونديران نڬارا

www.jkkn.gov.my

Pesta Angin Timur Perlis #MYSENIBUDAYA
East Wind Festival
3 hingga 5 Mac 2017
Kampung Padang Telela, Pauh, Perlis

Festival Nasi Ambeng #MYSENIBUDAYA
15 & 16 April 2017
Homestay Banghurus, Sepang, Selangor

Pesta Pantai Terengganu #MYSENIBUDAYA
Terengganu Beach Fiesta
17 hingga 25 Mac 2017
Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu

GHAZAL @MUAR #MYSENIBUDAYA
7 & 8 APRIL 2017
Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor

Festival Klate #MYSENIBUDAYA
Klate Folk Arts Festival
5 & 6 Mei 2017
Pantai Geting, Tumpat, Kelantan

Festival Seni Budaya Lenggong #MYSENIBUDAYA
CULTURAL ARTS LENGGONG FESTIVAL
30 Jun 2017
* Tarikh akan ditentukan kemudian

Seni@Nogoghi #MYSENIBUDAYA
12 & 13 Mei 2017
Juasseh, Negeri Sembilan

Siri Semarak Bangsawan #MYSENIBUDAYA
'Cincin Naga Api' 12-14 Mei 2017
'Dewa Kenchana' 15-17 September 2017
'Zhou Si Anak Yatim' 18-15 Oktober 2017
'Dendam Laksamana' 10-12 September 2017
Masa : 8.30 min - 10.30 malam
Auditorium DBKL, Jalan Raja Laut, KL Lumpur
Tiket : RM50 (Premier) & RM10

IFTAR @ KL #MYSENIBUDAYA
3 & 4, 10 & 11, 17 & 18 Jun 2017
Jalan Raja, Dataran Merdeka, KL

Rhythms of Kinabalu #MYSENIBUDAYA
Ritma Kinabalu @ Ranau
9 & 10 September 2017
Ranau, Sabah

PESTA AIR CHENOR PAHANG #MYSENIBUDAYA
Water Fest @ Chenor
29 & 30 Julai 2017
Chenor, Maran, Pahang

Malaysia Gagang Championship #MYSENIBUDAYA
4 hingga 6 Ogos 2017
BERJAYA Times Square, KL

Festival Tari Malaysia #MYSENIBUDAYA
23 & 25 Ogos 2017
KICC, Kuala Lumpur

PERMAINAN TRADISIONAL MALAYSIA @KEPONG #MYSENIBUDAYA
16 & 17 September 2017
Taman Metropolitan, Kepong, KL

Panggung Seni Tradisional #MYSENIBUDAYA
Traditional Arts Showcase
28 & 29 Julai 2017
Opera Cina (Kantonis)
25 & 26 Ogos 2017
Dramatari Klasik India
27 & 28 Oktober
Koleksi Tari Serumpun
Auditorium MPC, Jln Ampang
RM50 (VIP/Premier) & RM20 *(50% Diskaun - Pelajar, Warga Emas & OKU)

Mek Melubong @ Sintok #MYSENIBUDAYA
6 & 7 Oktober 2017
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Joget @ Melaka #MYSENIBUDAYA
'Let's Joget, Warisan Melaka'
3 & 4 November 2017
Kota A Famosa, Banda Hillir, Melaka

Festival Gendang Sarawak #MYSENIBUDAYA
Sarawak Drums Festival
17 & 18 November 2017
Waterfront, Kuching, Sarawak

KONSERT KOIR KEBANGSAAN MALAYSIA #MYSENIBUDAYA
25 & 26 November 2017
Kuala Lumpur

BORIA FESTIVAL RELAX & ENJOY #MYSENIBUDAYA
2 & 3 Disember 2017
Tapak Pesta Pulau Pinang

SEMARAKAN SENI BUDAYA MALAYSIA    **JKKN**  **TEL : 03-2614 8200**
www.jkkn.gov.my

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKKN

Bahan Terbitan

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن کبودایان دان کسنیان نگارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS





KESENIAN & KEBUDAYAAN DALAM PENYUBURAN INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Buku ini merupakan kompilasi tulisan tentang kesenian dan kebudayaan serta hubungannya dengan kerangka pembinaan negara bangsa. Himpunan karya oleh sarjana dari pelbagai disiplin kesenian dan kebudayaan dibentangkan dengan tujuan menggagaskan sebuah wacana bertemakan perpaduan dan integrasi nasional.

RM 11.00
ISBN: 978-967-5552-55-7



MANUSKRIP SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2011 - 2016

Buku ini merupakan kompilasi Manuskrip Syarahan Perdana Budaya yang telah dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2016. Program Syarahan Perdana Budaya merupakan program keilmuan yang menjadi wadah dan landasan perkongsian serta ilmu pengetahuan daripada tokoh-tokoh negarawan. Keseluruhan topik pengucapan daripada tokoh-tokoh di atas bertujuan untuk memperkasakan kefahaman masyarakat mendepani masa depan dengan lebih gemilang.

RM 25.00
ISBN: 978-967-5552-57-1



SILAT WARISAN BANGSA MALAYSIA

Silat ialah seni bela diri bangsa Melayu yang kini diiktiraf sebagai seni bela diri dalam Akta Warisan Negara. Ia menjurus kepada silat Melayu yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang dianggap sebagai silat asli tempatan atau silat versi Malaysia yang menjadi maksud pada tajuk Silat Warisan Bangsa Malaysia. Buku ini amat sesuai dibaca, bersesuaian dengan matlamat 1Malaysia dalam agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

RM 25.00
ISBN: 97-967- 5552-62- 5




CERITA LISAN JAKUN : DARI LEMBANGAN ENDAU - ROMPIN

Penerbitan Buku Tradisi Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin mengetengahkan dan menonjolkan keunikan dan keistimewaan yang dimiliki oleh suku kaum Jakun dalam konteks sastera lisan di Malaysia.

RM 13.00
ISBN: 978-967-5552-58-8


CD / DVD TERBARU



GEMA WARISAN GEMELAN MELAYU

Menghimpunkan lagu-lagu Gamelan yang menampilkan beberapa ciptaan yang sudah lama tidak dimainkan, termasuk lagu-lagu yang tidak pernah dirakamkan dalam mana-mana album Gamelan di pasaran. Kebanyakan lagu-lagu ini dicipta berdasarkan pada Hikayat Seri Rama. Terdapat juga notasi bagi setiap lagu disertakan untuk panduan umum dan juga bagi tujuan pembelajaran.

RM 15.00
TAHUN : 2015




KESENIAN & KEBUDAYAAN DALAM PENYUBURAN INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Memaparkan rakaman persembahan tarian negeri-negeri termasuk tarian kaum Cina dan India. Tarian-tarian yang dipersembahkan merupakan tarian yang menjadi tanda atau lambang kepada negeri tersebut termasuklah tarian etnik yang jarang diperlihatkan kepada umum.

RM 20.00
TAHUN : 2015





KATEGORI BUKU

BIL.	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
1.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	2003	8.50
2.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	2003	8.50
3.	Istiadat Naik Buai	2003	8.50
4.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	2003	10.00
5.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis	2003	8.50
6.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
7.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
8.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	2004	12.00
9.	Joget Lambak	2004	10.00
10.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	2004	12.00
11.	Penyair Laut J. M. Aziz	2004	30.00
12.	Syair Asyiqin	2004	12.00
13.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	2004	20.00
14.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	2004	15.00
15.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung	2005	15.00
16.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)	2005	43.00
17.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)	2005	35.00
18.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre	2005	35.00
19.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	2005	15.00
20.	Seri Terengganu	2005	25.00
21.	1000 Pantun Dondang Sayang	2006	20.00
22.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	2006	18.00
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	2006	18.00
24.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	2006	78.00
25.	Resepi Nasi 100	2006	30.00
26.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)	2006	52.00
27.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis)	2006	30.00
28.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire	2006	30.00
29.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita	2006	30.00



BIL.	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
30.	Alam Terbentang Menjadi Guru	2008	20.00
31.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)	2008	20.00
32.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)	2008	20.00
33.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)	2008	20.00
34.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)	2008	35.00
35.	Malaysian Festivals	2008	25.00
36.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	2008	23.00
37.	Pantun Warisan Rakyat	2008	15.00
38.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia	2009	23.00
39.	Plural Culture & Society In Malaysia	2009	20.00
40.	Lundayeh Dictionary	2009	45.00
41.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)	2009	20.00
42.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)	2009	17.00
43.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)	2009	20.00
44.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)	2009	17.00
45.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	2009	33.00
46.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	2009	16.50
47.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	2009	10.00
48.	Malaysian Customs & Traditions	2010	28.00
49.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	2010	25.00
50.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kumpang Jawa	2010	15.00
51.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	2010	42.00
52.	Bahasa Dijajaran Masa	2011	15.00
53.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	2011	25.00
54.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	2011	20.00
55.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	2011	20.00
56.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	2011	35.00
57.	Kanjat	2012	25.00
58.	Lirkan Lirik	2012	30.00
59.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	2012	30.00
60.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	2013	25.00
61.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	2013	30.00
62.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	2013	24.00
63.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun	2014	34.00
64.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	2014	27.00
65.	Seni Berbari	2014	34.00
66.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	2014	33.00
67.	Malaysian Weddings	2014	28.00
68.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia	2015	20.00
69.	Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD)	2015	45.00
70.	Koleksi Pantun Majlis Rasmi	2015	10.00
71.	Modul Pengajaran & Pembelajaran Mak Yung	2015	23.00
72.	Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan	2015	20.00
73.	Cerita Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin	2016	13.00
74.	Kesenian & Kebudayaan Dalam Penyuburan Integrasi Nasional Di Malaysia	2016	11.00
75.	Manuskrip Syarahan Perdana Budaya 2011- 2016	2016	25.00



KATEGORI CD/VCD/DVD

BIL.	TAJUK	BAHAN	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
1.	Semangat Merdeka	VCD	2003	10.00
2.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	2003	10.00
3.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	2003	10.00
4.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	2003	10.00
5.	Instrumental Keroncong	CD	2003	10.00
6.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	2003	10.00
7.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	2003	10.00
8.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	2004	10.00
9.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	2004	10.00
10.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	2004	10.00
11.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	2004	10.00
12.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	2005	10.00
13.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	2005	10.00
14.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	2005	10.00
15.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	2005	10.00
16.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	2005	10.00
17.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	2005	10.00
18.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	2005	10.00
19.	Tunas Budaya	VCD	2005	10.00
20.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	2005	10.00
21.	Dendangan Indera Kayangan	CD	2005	10.00
22.	Perfandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	2007	10.00
23.	Senam Seni (Lama)	DVD	2008	10.00
24.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	2008	15.00
25.	Dodoi Si Manja	VCD	2008	10.00
26.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	2008	15.00
27.	Folk Tunes of Malaysia	CD	2008	10.00
28.	Irama Asli (Minus One)	CD	2008	20.00
29.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	2008	20.00
30.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin	CD	2008	10.00
31.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	2010	20.00
32.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	2010	10.00
33.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	2011	20.00
34.	Inspitari 2010	DVD	2011	20.00
35.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD		10.00
36.	Gerak 2011	DVD		10.00
37.	Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD		30.00
38.	Inspitari 2012	DVD		20.00
39.	Inspitari 2013	DVD		26.00
40.	Puisi Tradisional	CD		13.00
41.	Karaoke Lagu Rakyat Malaysia	DVD & CD		20.00
42.	Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD		20.00
43.	Konsert Koir Kebangsaan – ‘Voices Of Harmony’	CD		20.00
44.	A Malaysian Journey : Dennis Lau	CD		20.00
45.	Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan	CD		15.00
46.	Inspitari 2014	DVD		20.00
47.	Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia	DVD		20.00
48.	Gema Warisan – Gamelan Melayu	CD		15.00
49.	Lagu-Lagu Inspitari 2013	CD		15.00
50.	Lagu-Lagu Inspitari 2014	CD		15.00
51.	Lagu-Lagu Inspitari 2015	CD		15.00

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كيو دا يان دان كسنيان نكارا

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara

Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 Dan 34
Lot 1001, Menara Th Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Selangor,

Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma Mbsa
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pahang,

Kompleks JKKN Pahang,
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perlis,

Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan,
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Wilayah Persekutuan,

Kompleks JKKN Wpkl,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Terengganu,

Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kedah,

Kompleks JKKN Kedah,
Lot Ptd 400,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman,
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,

Kompleks JKKN Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Tel : 06 - 767 6793 /
763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kelantan,

Lot 1993, Seksyen 49,
Tanjong Chat,
15200 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pulau Pinang,

Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot No. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 Pulau Pinang
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Melaka,

Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Melaka
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sarawak,

Tingkat 5 Bangunan Sultan
Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching,
Sarawak
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perak,

Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell,
Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Johor,

Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sabah,

Kompleks JKKN Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu,
Sabah
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052



www.jkkn.gov.my

#mysenibudaya

"Semarakkan Seni Budaya Malaysia"

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan
Tingkat 30, Menara TH Perdana, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250
Kuala Lumpur.
Tel : 03 2614 8200 Faks : 03 2697 1066/1067